Pemikiran kritis adalah penting untuk kejayaan dalam pendidikan fizik dan ditekankan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (2013-2025). Namun, banyak penyelidikan menunjukkan cabaran dalam pengajaran pemikiran kritis dan tahap pemikiran kritis yang rendah dalam kalangan pelajar Malaysia berbanding dengan standard antarabangsa. Sehubungan itu, kajian ini menyiasat hubungan antara pemikiran kritis dan pencapaian akademik dalam fizik dalam kalangan pelajar Tingkatan 4 di Sekolah Tun Fatimah (STF) yang memegang GPS tertinggi (1.36) dalam SPM di Johor Bahru (Utusan Malaysia, 2023) pada tahun 2022 di Johor Bahru. Kajian kes digunakan, menggunakan pendekatan persampelan banci dengan semua 29 pelajar Fizik Tingkatan 4 di STF. Ujian diagnostik empat peringkat (UDEP) menilai kemahiran pemikiran kritis, manakala data pencapaian akademik diperolehi dari keputusan peperiksaan fizik pelajar pada akhir tahun. Analisis menunjukkan bahawa sementara majoriti pelajar menunjukkan tahap pemikiran kritis secara keseluruhan yang "Mencukupi", sebahagian besar menghadapi kesukaran dalam kemahiran analisis dan membuat kesimpulan. Walaupun pelajar mencapai prestasi akademik sederhana dalam fizik (purata markah 71.86%), pemikiran kritis mereka, terutamanya dalam analisis dan membuat kesimpulan, masih perlu dibaiki. Tidak terdapat korelasi yang signifikan secara statistik antara pemikiran kritis secara keseluruhan dengan pencapaian fizik ($r = 0.24$, $p = 0.21$). Kemahiran penilaian dan penjelasan menunjukkan hubungan yang paling kuat,

manakala kemahiran analisis dan membuat kesimpulan adalah yang paling lemah. Kemahiran penilaian (r = 0.22, p = 0.25) dan penjelasan (r = 0.32, p = 0.09) menunjukkan korelasi positif yang lemah dengan pencapaian fizik, manakala kemahiran analisis (r = -0.08, p = 0.69) dan membuat kesimpulan (r = 0.06, p = 0.76) tidak menunjukkan korelasi. Keputusan ini menyarankan perlunya intervensi yang berpandu untuk menangani kelemahan dalam kemahiran pemikiran kritis tertentu, terutamanya dalam analisis dan membuat kesimpulan. Kajian ini menekankan kepentingan reka bentuk kurikulum yang efektif, latihan guru, dan strategi pedagogi yang mendorong perkembangan pemikiran kritis dalam sistem pendidikan. Selain itu, penyelidikan lanjutan disyorkan untuk meneroka pengaruh faktor tambahan seperti motivasi, efikasi kendiri, dan akses kepada sumber pembelajaran terhadap pencapaian pelajar dalam fizik. Batasan kajian ini termasuk pendekatan persampelan banci membataskan kebolehgeneralisasian, dan reka bentuk keratan rentas membatasi pemahaman tentang hubungan dinamik antara pemikiran kritis dan pencapaian. Selain itu, fokus kajian pada sebuah sekolah sahaja menekankan keperluan penyelidikan masa depan dengan sampel yang lebih besar dan beragam, reka bentuk longitudinal, dan kaedah penilaian yang disahkan.

Critical thinking is recognized as crucial for success in physics education and *emphasized in the Malaysian Education Development Plan (2013-2025). Numerous studies have highlighted the challenges associated with the implementation of teaching critical thinking skills, as well as the lower levels of critical thinking exhibited by Malaysian students compared to international benchmarks. Therefore, this study investigates the relationship between critical thinking and academic achievement in physics among Form 4 students at Sekolah Tun Fatimah (STF) which holds the highest GPS (1.36) in SPM in Johor Bahru in 2022 Johor Bahru. A case study with correlational design was employed, utilizing a census sampling approach with all 29 Form 4 physics students at STF. The four-stage diagnostic test (UDEP) assessed critical thinking skills, while academic achievement data was derived from students' end-of-year physics exam results. The analysis revealed that while the majority of students exhibited an "Adequate" level of overall critical thinking, a significant portion struggled with analytical and conclusion- making skills. While students achieved moderate academic performance in physics (mean score of 71.86%), their critical thinking, particularly in analysis and drawing conclusions, requires improvement. No statistically correlation was found between overall critical thinking and physics achievement (r = 0.24, p = 0.21). Evaluation and explanation skills showed the strongest performance, while analysis and conclusion-making skills were the weakest. Evaluation (r = 0.22, p = 0.25) and explanation (r = 0.32, p = 0.09) skills exhibited a weak positive correlation with physics achievement, while analysis (r = -0.08, p = 0.69) and conclusion-making (r = 0.06, p = 0.76) skills showed no correlation. These findings suggest a need for targeted interventions to address weaknesses in specific critical thinking skills, particularly analysis and conclusion-making. This study emphasizes the importance of effective curriculum design, teacher training, and pedagogical strategies that foster critical thinking development within the education system. Additionally, further research is*

recommended to explore the influence of additional factors like motivation, self-efficacy, and access to learning resources on student achievement in physics. The limitation of the study includes the census sampling limits generalizability, and the cross-sectional design restricts understanding of the dynamic relationship between critical thinking and achievement. Additionally, the study's focus on a single school highlights the need for future research with larger, more diverse samples, longitudinal designs, and validated assessment methods.

THE EFFECTIVENESS OF INTERACTIVE SIMULATIONS IN ENHANCING CONCEPTUAL UNDERSTANDING IN PHYSICS EDUCATION

Yoagalaksmi A/p K.sivasubramaniam & Marlina Binti Ali
yoagalaksmi@graduate.utm.my

Kajian ini mengkaji keberkesanan simulasi interaktif dalam meningkatkan pemahaman konseptual murid dalam pendidikan fizik berbanding kaedah pengajaran tradisional. Seramai 68 murid sekolah menengah menyertai kajian ini, dibahagikan kepada kumpulan kawalan dan kumpulan eksperimen. Kumpulan kawalan menerima pengajaran tradisional melalui ceramah dan pembelajaran berasaskan buku teks, manakala kumpulan eksperimen terlibat dalam pembelajaran berasaskan simulasi interaktif menggunakan alat simulasi PhET. Ujian pra dan ujian pasca yang terdiri daripada 15 soalan berbentuk objektif diberikan kepada kedua-dua kumpulan untuk mengukur perubahan dalam pemahaman konseptual dalam topik fizik 2.5 Momentum. Analisis statistik, termasuk ujian t-penghamparan bagi sampel berpasangan dan penilaian saiz kesan, telah dijalankan untuk membandingkan markah ujian pra dan ujian pasca antara kedua-dua kumpulan. Keputusan menunjukkan bahawa kumpulan kawalan, dengan purata markah ujian pra sebanyak 5.09 (SD = 1.334), meningkat kepada 9.74 (SD = 1.746) selepas pengajaran tradisional. Sebaliknya, kumpulan eksperimen, bermula dengan purata markah ujian pra sebanyak 5.59 (SD = 1.234), meningkat secara signifikan kepada 11.24 (SD = 2.061) selepas pengajaran menggunakan simulasi interaktif. Analisis statistik, termasuk ujian t-berpasangan bagi sampel berpasangan dan pengiraan kesan saiz, menunjukkan peningkatan yang ketara dalam markah ujian pasca bagi kumpulan eksperimen. Ujian Shapiro-Wilk menunjukkan bahawa dataset mengikuti taburan normal. Penemuan ini menekankan potensi simulasi interaktif sebagai alat pendidikan yang berkesan untuk meningkatkan pemahaman konseptual dalam pendidikan fizik.

This study investigates the effectiveness of interactive simulations in enhancing students' conceptual understanding in physics education compared to traditional teaching methods. A total of 68 secondary school students participated, divided into controlled and experimental groups. The controlled group received traditional instruction through lectures and textbook-based learning, while the experimental

group engaged in interactive simulation-based learning using the PhET simulation tool. Pre-tests and post-tests consisting of 15 multiple-choice questions were administered to both groups to measure changes in conceptual understanding in physics topic 2.5 Momentum. Statistical analysis, including paired sample t-tests and assessment of effect sizes, was conducted to compare pre-test and post-test scores between groups. Results showed that the control group, with a mean pre-test score of 5.09 (SD = 1.334), increased to 9.74 (SD = 1.746) after traditional instruction. Conversely, the experimental group, starting with a mean pre-test score of 5.59 (SD = 1.234), significantly improved to 11.24 (SD = 2.061) post interactive simulation instruction. Statistical analysis, including paired sample t-tests and effect size calculations, indicated substantial improvement in post-test scores for the experimental group. The Shapiro-Wilk test indicates that the dataset follows a normal distribution. These findings underscore the potential of interactive simulations as an effective educational tool for enhancing conceptual understanding in physics education.

SENARAI ABSTRAK
PROJEK SARJANA MUDA (PSM)

SARJANA MUDA TEKNOLOGI DENGAN PENDIDIKAN (KEMAHIRAN HIDUP) DENGAN KEPUJIAN
[SHPH]

CABARAN GURU PELATIH PENDIDIKAN KEMAHIRAN HIDUP (SHPH) DALAM MENYEMPURNAKAN LATIHAN PRAKTIKUM

Aida Khairina Binti Khairul Anuar & Nur Husna Binti Abd. Wahid
aidakhairina@graduate.utm.my

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti cabaran yang dihadapi oleh guru pelatih Sarjana Muda Teknologi serta Pendidikan (Kemahiran Hidup) semasa menjalani latihan mengajar. Dalam kajian ini, tiga objektif ditetapkan iaitu untuk mengenal pasti cabaran dalam aspek kurikulum, kokurikulum, dan penyeliaan. Seramai 6 guru pelatih SHPH dipilih sebagai responden dalam kajian ini. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan protokol temubual. Hasil kajian menunjukkan dari aspek kurikulum, semua guru pelatih menghadapi cabaran utama dalam berkomunikasi dengan pelajar bukan Melayu yang tidak fasih dalam bahasa Melayu. Hal ini secara tidak langsung menghalang proses Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) yang efektif. Selain itu, dalam aspek kokurikulum, dapatan kajian menunjukkan bahawa guru pelatih menghadapi cabaran dalam menggantikan kelas relief. Bagi aspek penyeliaan, hasil kajian menunjukkan bahawa guru pelatih masih menghadapi masalah dalam berselia bersama guru pembimbing dan pensyarah penyelia. Oleh itu, berdasarkan dapatan kajian, beberapa cadangan telah dibincangkan

This study aims to identify the challenges faced by trainee teachers of Bachelor of Technology and Education (Living Skills) while undergoing teaching training. In this study, three objectives were set, namely to identify challenges in aspects of curriculum, co-curriculum, and supervision. A total of 6 SHPH trainee teachers were selected as respondents in this study. This study uses a qualitative approach with an interview protocol. The results of the study show that from the curriculum aspect, all trainee teachers face major challenges in communicating with non-Malay students who are not fluent in Malay. This indirectly hinders the effective Teaching and Learning (PdP) process. In addition, in the extracurricular aspect, the findings of the study show that trainee teachers face challenges in replacing relief classes. As for the aspect of supervision, the results of the study show that trainee teachers still face problems in supervising with the guidance teacher and supervising lecturer. Therefore, based on the findings of the study, some recommendations have been discussed

HUBUNGAN ANTARA PENGETAHUAN, KEMAHIRAN DAN CABARAN TERHADAP KESEDIAAN PENIAGA KECIL DALAM BIDANG PERNIAGAAN ATAS TALIAN DI DAERAH JOHOR BAHRU

Nur Solehah Binti Noor Mohammad Saifuddin & Mohamad Abdillah Bin Royo
nursolehah@graduate.utm.my

Dalam era digital yang semakin berkembang, peniaga kecil di Malaysia menghadapi cabaran untuk mengadaptasi perniagaan mereka ke platform dalam talian. Walaupun terdapat banyak manfaat yang ditawarkan oleh e-dagang, tahap pengetahuan dan kemahiran digital yang berbeza-beza serta cabaran seperti kekurangan sumber kewangan dan infrastruktur digital mempengaruhi kesediaan dan keupayaan sebenar peniaga kecil untuk beralih kepada perniagaan dalam talian. Kajian ini bertujuan untuk menilai kesediaan peniaga kecil di Malaysia untuk menjalankan perniagaan atas talian, dengan memberi tumpuan kepada peranan pengetahuan, kemahiran, dan cabaran dalam mempengaruhi adaptasi e-dagang. Dalam persekitaran perniagaan yang semakin digital, adalah penting untuk memahami faktor-faktor yang mempengaruhi peralihan peniaga kecil ke platform dalam talian dan mengenal pasti strategi untuk menyokong pertumbuhan e-dagang yang inklusif. Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif, di mana data dikumpulkan melalui tinjauan soal selidik yang melibatkan 50 peniaga kecil dari pelbagai industri di daerah Johor Bahru. Analisis data dijalankan menggunakan perisian SPSS, termasuk analisis deskriptif, analisis kebolehpercayaan, analisis korelasi, dan analisis regresi berganda. Hasil kajian menunjukkan bahawa majoriti peniaga kecil mempunyai tahap kesediaan yang tinggi untuk menjalankan perniagaan atas talian, dengan persepsi positif terhadap faedah e-dagang. Walau bagaimanapun, tahap pengetahuan dan kemahiran digital yang berbeza, serta pelbagai cabaran seperti kekurangan sumber kewangan dan infrastruktur digital, mempengaruhi tahap kesediaan dan adaptasi sebenar. Analisis korelasi dan regresi mengesahkan bahawa pengetahuan dan kemahiran digital mempunyai hubungan yang signifikan dan positif dengan kesediaan peniaga kecil, manakala cabaran yang dihadapi mempunyai kesan negatif. Kajian ini menyumbang kepada pemahaman tentang faktor-faktor yang mempengaruhi adaptasi e-dagang dalam kalangan peniaga kecil dan menekankan keperluan untuk sokongan holistik daripada pelbagai pihak berkepentingan. Penemuan ini mempunyai implikasi penting untuk pembangunan program latihan, dasar sokongan, dan inisiatif pembangunan kapasiti untuk mempercepat peralihan peniaga kecil ke ekonomi digital dan memastikan pertumbuhan e-dagang yang mampan dan inklusif di Malaysia.

In the rapidly evolving digital era, small traders in Malaysia face challenges in adapting their businesses to online platforms. Although e-commerce offers many benefits, varying levels of digital knowledge and skills, along with challenges such as lack of financial resources and digital infrastructure, affect the readiness and actual ability of small traders to transition to online business. This study aims to

assess the readiness of small traders in Malaysia to conduct online business, focusing on the role of knowledge, skills, and challenges in influencing e-commerce adaptation. In an increasingly digital business environment, it is important to understand the factors influencing small traders' transition to online platforms and to identify strategies to support inclusive e-commerce growth. This study employs a quantitative approach, collecting data through a survey involving 50 small traders from various industries in the Johor Bahru district. Data analysis is conducted using SPSS software, including descriptive analysis, reliability analysis, correlation analysis, and multiple regression analysis. The study's results show that the majority of small traders have a high level of readiness to conduct online business, with positive perceptions of the benefits of e-commerce. However, varying levels of digital knowledge and skills, along with challenges such as lack of financial resources and digital infrastructure, affect actual readiness and adaptation. Correlation and regression analyses confirm that digital knowledge and skills have a significant and positive relationship with small traders' readiness, while the challenges faced have a negative impact. This study contributes to understanding the factors influencing e-commerce adaptation among small traders and highlights the need for holistic support from various stakeholders. These findings have important implications for the development of training programs, support policies, and capacity-building initiatives to accelerate small traders' transition to the digital economy and ensure sustainable and inclusive e-commerce growth in Malaysia.

SEKURITI MAKANAN DAN AMALAN PEMAKANAN DALAM KALANGAN PELAJAR UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

Puteri Aina Syafiqah Binti Megat Zainuddin & Nornazira Binti Suhairom
puteriainasyafiqah@graduate.utm.my

Kajian ini mengkaji tahap sekuriti makanan, amalan pemakanan, dan kesejahteraan pelajar di Universiti Teknologi Malaysia (UTM). Seramai 256 pelajar terlibat sebagai responden. Hasil kajian menunjukkan 78.1% pelajar mempunyai makanan yang mencukupi setiap hari, manakala 66.4% makan sekurang-kurangnya tiga kali sehari. Sebanyak 84.8% pelajar berpuas hati dengan kualiti makanan mereka, namun hanya 64.8% yang makan makanan sihat dan seimbang setiap hari. Kemudahan mendapatkan makanan di sekitar kampus adalah memadai bagi 81.6% pelajar. Amalan pemakanan pelajar menunjukkan bahawa 42.2% makan malam pada waktu yang konsisten setiap hari, dan 39.5% memilih makanan berdasarkan keperluan pemakanan. Tahap kesejahteraan pelajar secara keseluruhan adalah baik dengan 49.6% berasa sihat secara fizikal dan 47.7% berpuas hati dengan pencapaian akademik mereka. Walau bagaimanapun, terdapat variasi dalam kesejahteraan emosi dan akademik, menunjukkan keperluan sokongan yang berterusan.

This study examines food security, eating practices, and student well-being at *Universiti Teknologi Malaysia (UTM). A total of 256 students participated as*

respondents. The findings reveal that 78.1% of students have sufficient food daily, and 66.4% eat at least three times a day. Additionally, 84.8% of students are satisfied with the quality of their food, though only 64.8% consume healthy and balanced meals daily. Access to food facilities around the campus is adequate for 81.6% of students.In terms of eating practices, 42.2% of students consistently have dinner at the same time each day, and 39.5% choose food based on nutritional needs. Overall, student well-being is positive, with 49.6% feeling physically healthy and 47.7% satisfied with their academic achievements. However, there is variation in emotional and academic well-being, indicating a need for continuous support. These findings highlight the importance of improving food security, nutritional awareness, and overall student well-being at UTM.

SENARAI ABSTRAK
PROJEK SARJANA MUDA (PSM)

SARJANA MUDA PENDIDIKAN (PENGAJIAN ISLAM) DENGAN KEPUJIAN [SHPIH]

PERANAN UNIVERSITI DALAM MEMBENTUK AMALAN SAHSIAH MUSLIM MAHASISWA UTM

Afiq Afnan Bin Surjana & Mohammad Naqib Bin Hamdan
afiqafnan@graduate.utm.my

Kajian ini meninjau berkenaan dengan Peranan Universiti Dalam Membentuk Amalan Sahsiah Muslim Mahasiswa UTM. Hal ini kerana sejak kebelakangan ini mahasiswa cenderung untuk tidak menunjukkan adab sebagai pelajar muslim di universiti dan tidak peduli akan teguran yang berpotensi untuk meruntuhkan nilai sahsiah Muslim dalam diri mereka sendiri. Objektif kajian ini adalah untuk mengkaji ciri-ciri pelajar Muslim menurut Islam, meneroka peranan universiti terhadap amalan pelajar SHPI UTM menepati sahsiah Muslim serta menganalisis persepsi amalan sahsiah Muslim dalam kalangan pelajar Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (Pengajian Islam) UTM (SHPI). Kaedah ini menggunakan pendekatan kualitatif. Sesi temubual separa struktur telah dijalankan kepada 4 orang pelajar SHPI UTM dari tahun 1 hingga tahun 4 dan 4 orang pensyarah Akademi Tamadun Islam UTM. Dapatan kajian mendapati bahawa amalan sahsiah Muslim dalam kalangan pelajar SHPI berada dalam keadaan yang terkawal dan patut diteruskan penerapan amalan sahsiah Muslim ini di dalam kuliah mahupun di luar kuliah. Daripada kajian ini, saya mengharapkan agar pihak yang bertanggungjawab termasuk diri pelajar sendiri, pensyarah, institusi dan banyak lagi memainkan peranan masing-masing dalam mengekalkan dan memelihara nilai sahsiah Muslim dalam diri pelajar SHPI UTM.

This study examines the Role of the University in Forming UTM Students' Muslim Personality Practices. This is because lately students tend not to show good manners as Muslim students in the university and do not care about reprimands that have the potential to destroy the value of Muslim personality in themselves. The objective of this study is to study the characteristics of Muslim students according to Islam, explore the role of the university towards the practice of SHPI UTM students in keeping with the Muslim personality and analyze the perception of the Muslim personality practice among students of UTM's Bachelor of Education (Islamic Studies) (SHPI). This method uses a qualitative approach. A semi-structured interview session was conducted with 4 SHPI UTM students from year 1 to year 4 and 4 lecturers from UTM Islamic Civilization Academy. The findings of the study found that the practice of Muslim personality among SHPI students is in a controlled state and it is worth continuing the application of this Muslim personality practice both in and outside of lectures. From this study, I hope that the responsible parties including the students themselves, lecturers, institutions and many more play their respective roles in maintaining and preserving the values of Muslim personality in SHPI UTM students.

PERANAN PERSATUAN SENI KHAT JOHOR DALAM MELESTARIKAN SENI KHAT DI JOHOR

Ahmad Fathi Bin Hasni Basri & Abd. Rahman Bin Hj. Hamzah
ahmadfti.00@gmail.com

Seni Khat adalah salah satu seni Islam yang anggun dan indah, yang diberi kedudukan istimewa dalam masyarakat Islam. Ia bukan sekadar sebagai medium penyampaian maklumat, tetapi juga mengandungi nilai-nilai abstrak seperti kehalusan, kelembutan, kesinambungan, perhubungan, pergerakan, dan keharmonian yang tersirat dalam setiap goresan dan susunan hurufnya. Oleh yang demikian, satu kajian telah dijalankan berkaitan peranan Persatuan Seni Khat di negeri Johor iaitu Persatuan Seni Khat Johor (PSKJ) dalam melestarikan seni khat di Johor. Kajian yang dilakukan ini berbentuk kualitatif dan menggunakan metodologi pengumpulan data dan anaslisis data secara kaedah tematik. Penyelidik telah menemubual lima orang ahli jawatankuasa PSKJ dalam masa yang sama merupakan penggiat seni khat di negeri Johor. Kajian ini bertujuan mengetahui sejarah dan perkembangan seni khat di Johor. Ia juga bertujuan mengenal pasti peranan persatuan seni khat dalam memartabatkan seni khat di Johor dan mengenal pasti cabaran persatuan seni khat dalam melestarikan seni khat di Johor dan lengkah mengatasinya. Secara keseluruhan, dapatan kajian menunjukkan bahawa peranan PSKJ amt penting terhadap individu, sektor pendidikan dan masyarakat antaranya ialah mengadakan program-program seperti bengkel & kursus seni khat, pertandingan seni khat, penjualan karya, pusat pameran seni khat dan lawatan penanda aras. Dalam masa yang sama terdapat cabaran yang dihadapi melibatkan keterlibatan ahli, sumber kewangan, infrastruktur, promosi, tenaga pengajar dan penjualan karya.

Islamic calligraphy is one of the elegant and beautiful Islamic arts that holds a special place in Islamic society. It is not merely a medium for conveying information but also encompasses abstract values such as subtlety, gentleness, continuity, connection, movement, and harmony, which are inherent in every stroke and arrangement of its letters. Therefore, a study has been conducted on the role of the Johor Calligraphy Association, Persatuan Seni Khat Johor (PSKJ), in preserving calligraphy art in Johor. This qualitative study employs thematic methods for data collection and analysis. The researcher interviewed five committee members of PSKJ, who are also calligraphy artists in Johor. The study aims to understand the history and development of calligraphy art in Johor. It also seeks to identify the role of the calligraphy association in upholding calligraphy art in Johor and to recognize the challenges faced by the calligraphy association in preserving calligraphy art in Johor, along with steps to overcome these challenges. Overall, the study findings indicate that the role of PSKJ is very important for individuals, the education sector, and the community. This includes organizing programs such as calligraphy workshops and courses, calligraphy competitions, artwork sales, calligraphy art exhibitions, and benchmarking visits. At the same time, challenges faced include

member involvement, financial resources, infrastructure, promotion, teaching staff, and artwork sales.

TAHAP PENGETAHUAN MAHASISWA/I UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA (SEKOLAH PENDIDIKAN) TERHADAP PENGURUSAN JENAZAH

Ahmad Mirza Bin Ishak & Sulaiman Bin Kadikon
ahmadmirza@graduate.utm.my

Pengurusan Jenazah merupakan fardhu kifayah, namun menuntut ilmu itu merupakan fardhu ain. Meskipun ianya fardhu kifayah yang mana sekiranya sesuatu golongan sudah melakukannya, golongan yang lain akan terlepas dari tuntutan, tetapi ianya wajar dipelajari sebagai persediaan awal sesuatu individu. Ia menjadi suatu keperluan juga apabila menerima khabar kematian dalam kalangan keluarga terdekat. Sudah semestinya ahli keluarga terdekat yang akan terkedepan dalam mengurus kematian. Disamping kewajipan pengurusan jenazah, namun, kurang kajian berkaitan pengurusan jenazah dalam kalangan mahasiswa/i di Universiti Teknologi Malaysia. Justeru, kajian ini dilakukan untuk mengenal pasti tahap pengetahuan dan keterlibatan mahasiswa/i UTM terhadap pengurusan jenazah. Selain itu, kajian ini juga dilaksanakan adalah untuk menilai cadangan penambahbaikan bagi membantu mahasiswa/i untuk terlibat dalam aktiviti pengurusan jenazah sebagai galakan. Kajian ini berbentuk tinjauan yang dilakukan terhadap 268 orang mahasiswa/i dari Sekolah Pendidikan, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, UTM. Instrumen kajian yang digunakan bagi mengukur pengetahuan dan keterlibatan mahasiswa/i adalah item soal selidik yang dibangunkan sendiri oleh pengkaji. Hasil analisis menunjukkan bahawa tahap pengetahuan mahasiswa/i terhadap pengurusan jenazah adalah pada tahap sederhana (min = 3.37). Sementara itu, tahap keterlibatan mahasiswa/i terhadap aktiviti pengurusan jenazah pula adalah pada tahap yang tinggi (min = 4.02). Akhir sekali, cadangan yang utama diberikan oleh responden berkaitan penambahbaikan untuk membantu mahasiswa/i adalah melibatkan orang yang pakar dalam bidang pengurusan jenazah untuk memberikan pendedahan kepada orang awam. Diharapkan pelaksanaan kajian ini dapat memberi kesedaran terhadap belia untuk menuntut ilmu ini sebagai galakkan dan ilmu tambahan.

The Management of the Deceased is a communal obligation (fardhu kifayah), whereas seeking knowledge is an individual obligation (fardhu ain). Although it is a communal obligation, meaning if some members of the community perform it, others are absolved from the duty, it is still advisable to learn as a preparatory measure for an individual. This becomes necessary, especially when dealing with the death of a close family member. It is typically the close family members who will step forward in managing the deceased. Despite the obligatory nature of managing the deceased, there is a lack of research related to the management of the deceased

among students at Universiti Teknologi Malaysia (UTM). Therefore, this study is conducted to determine the level of knowledge and involvement of UTM students in managing the deceased. Additionally, this study aims to assess suggestions for improvements to encourage students to participate in activities related to managing the deceased. This survey-based study involved 268 students from the School of Education, Faculty of Social Sciences and Humanities, UTM. The research instrument used to measure the students' knowledge and involvement was a self-developed questionnaire. The analysis results showed that the students' level of knowledge regarding the management of the deceased was at a moderate level (mean = 3.37). Meanwhile, the level of student involvement in activities related to managing the deceased was high (mean = 4.02). Finally, the main suggestion provided by respondents for improvement was to involve experts in the field of managing the deceased to provide exposure to the public. It is hoped that this study will raise awareness among the youth to seek this knowledge as an encouragement and additional learning.

TAHAP PENGUASAAN MAHASISWA UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA TERHADAP FIQH TAHARAH

Amirul Hakim Bin Mohd Zaini & Nasrul Hisyam Bin Nor Muhamad
mierul6601@gmail.com

Kajian ini membincangkan tahap penguasaan mahasiswa UTM terhadap Fiqh Taharah, yang penting untuk meningkatkan kefahaman tentang bersuci mengikut syariat Islam. Kajian ini melibatkan responden dari Kolej Datin Seri Endon. Kurangnya pemahaman yang betul dalam perlaksanaan taharah mengakibatkan permasalahan dalam melakukan ibadah disebabkan kekurangan pemahaman langkah dalam taharah. Objektif kajian ini untuk mengenalpasti pemahaman asas mahasiswa tentang konsep Fiqh Taharah dalam Islam, mengkaji sejauh mana aplikasi Fiqh Taharah digunakan dalam amalan kehidupan seharian, dan menilai tindakan mahasiswa dalam menghadapi kesukaran atau kekurangan pemahaman terhadap Fiqh Taharah. Metodologi kajian melibatkan edaran soal selidik Google Form yang mengandungi 30 soalan kepada 672 pelajar Kolej Datin Seri Endon secara rawak. Data dianalisis menggunakan perisian SPSS version 29.0 dengan statistik deskriptif yang melibatkan frekuensi, skor min, dan peratusan. Kajian rintis dijalankan bagi mendapatkan kesahan dan kebolehpercayaan instrumen soal selidik. Dapatan kajian menunjukkan nilai min bagi mengenalpasti pemahaman asas mahasiswa tentang konsep Fiqh Taharah dalam Islam (min=4.53), aplikasi Fiqh Taharah dalam amalan kehidupan seharian (min=4.70), dan tindakan mahasiswa menghadapi kesukaran atau kekurangan pemahaman terhadap Fiqh Taharah (min=3.56). Bahagian B dan C berada pada tahap tinggi, manakala bahagian D pada tahap sederhana. Oleh itu, penting bagi mahasiswa memahami konsep asas Fiqh Taharah agar dapat diaplikasikan dengan baik dalam kehidupan seharian.

This study discusses the level of proficiency among UTM students in Fiqh Taharah, which is essential for enhancing understanding of purification according to Islamic law. The study involves respondents from Kolej Datin Seri Endon. A lack of proper understanding in the implementation of taharah results in difficulties in performing acts of worship due to insufficient comprehension of the steps involved in taharah. The objectives of this study are to identify the students' basic understanding of the concept of Fiqh Taharah in Islam, to examine the extent to which the application of Fiqh Taharah is utilized in daily life practices, and to assess the actions taken by students when facing difficulties or lack of understanding regarding Fiqh Taharah. The methodology of the study involves the distribution of a Google Form questionnaire containing 30 questions to 672 randomly selected students from Kolej Datin Seri Endon. The data were analysed using SPSS version 29.0 software with descriptive statistics involving frequency, mean score, and percentage. A pilot study was conducted to obtain the validity and reliability of the questionnaire instrument. The findings show that the mean score for identifying students' basic understanding of the concept of Fiqh Taharah in Islam is 4.53, the application of Fiqh Taharah in daily life practices is 4.70, and the actions taken by students in facing difficulties or lack of understanding regarding Fiqh Taharah is 3.56. Sections B and C are at a high level, while section D is at a moderate level. Therefore, it is important for students to understand the basic concepts of Fiqh Taharah so that they can be applied effectively in daily life.

SUMBANGAN PROGRAM KEROHANIAN DALAM PENCAPAIAN AKADEMIK PELAJAR SARJANA MUDA PENDIDIKAN (PENGAJIAN ISLAM) UTM

Anis Nabilah Binti Azhari & Ahmad Muhyuddin B. Hj. Hassan
anisnabilah@graduate.utm.my

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji sumbangan program kerohanian dalam pencapaian akademik pelajar Sarjana Muda Pendidikan (Pengajian Islam) UTM. Kajian ini dilakukan di Universiti Teknologi Malaysia, Skudai, Johor. Seramai 66 orang pelajar dari tahun 1 dan tahun 4 kursus Sarjana Muda Pendidikan (Pengajian Islam). Kajian ini berbentuk kuantitatif dengan menggunakan borang soal selidik skala Likert lima mata dan data yang diperoleh tersebut dianalisis menggunakan Statistical Package for the Social Sciences (SPSS) versi 29.0. Hasil analisis menunjukkan bahawa aktiviti kerohanian yang diminati oleh pelajar Sarjana Muda Pendidikan (Pengajian Islam) UTM mendapat penilaian sangat tinggi dengan nilai 4.71. Selain itu, terdapat juga hubungan yang sangat signifikan antara program kerohanian dan pencapaian akademik pelajar dimana memperoleh nilai min yang tinggi iaitu 4.74. Langkah-langkah untuk memupuk minat pelajar agar menyertai program kerohanian yang membantu meningkatkan pencapaian akademik mendapat penilaian sangat tinggi dengan nilai minimum 4.82. Dicadangkan kajian ini dapat

memberi petunjuk kepada pihak-pihak yang berkenaan supaya ada inisiatif yang baru dalam meningkatkan penglibatan pelajar dalam program kerohanian agar memberi kesan pada pencapaian akademik pelajar.

This study aims to examine the contribution of spiritual programs to the academic achievement of Bachelor of Education (Islamic Studies) students at UTM. The study was conducted at Universiti Teknologi Malaysia, Skudai, Johor. A total of 66 students from the first and fourth years of the Bachelor of Education (Islamic Studies) program participated. This study is quantitative in nature, utilizing a five-point Likert scale questionnaire, and the data collected was analyzed using the Statistical Package for the Social Sciences (SPSS) version 29.0. The analysis results show that the spiritual activities favored by the Bachelor of Education (Islamic Studies) students at UTM received a very high rating of 4.71. Furthermore, there is a very significant relationship between spiritual programs and the academic achievement of students, with a high mean value of 4.74. Steps to foster students' interest in participating in spiritual programs that help enhance academic achievement received a very high rating with a minimum value of 4.82. It is suggested that this study can provide guidance to relevant parties so that new initiatives can be taken to increase student involvement in spiritual programs to positively impact their academic performance.

KEINGINAN PELAJAR UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA (UTM) UNTUK MENDERMA DALAM PLATFORM PENDANAAN AWAM BAGI SUMBANGAN UNIVERSITI

Hanis Nasyitah Binti Hassim & Mohd Khairy Bin Kamarudin
hanisnasyitah@graduate.utm.my

Tujuan penyelidikan ini adalah untuk mengkaji keinginan pelajar Universiti Teknologi Malaysia untuk menderma melalui platform pendanaan awam bagi sumbangan universiti berdasarkan Model Penerimaan Teknologi (TAM). Empat pembolehubah digunakan sebagai ukuran, iaitu Tanggapan Mudah Diguna (TMD), Tanggapan Kebergunaan (TK), Sikap terhadap Penggunaan (STP), dan Keinginan Bertingkah Laku (KBL). Latar belakang kajian ini adalah pelajar universiti menghadapi kekangan kewangan sehingga menjejaskan pembelajaran. Meskipun terdapat usaha bantuan dari pihak universiti, ia masih tidak mencukupi akibat faktor peningkatan kos sara hidup. Pendekatan yang digunakan oleh kajian ini adalah secara kuantitatif. Data kajian dikumpulkan melalui soal selidik yang melibatkan responden seramai 312 pelajar dari Universiti Teknologi Malaysia. Penyelidikan ini menggunakan perisian IBM SPSS untuk menganalisis sampel dan menyediakan keputusan deskriptif serta PLS-SEM menggunakan SmartPLS version 4.0 bagi menganalisis model penyelidikan. Hasil kajian menunjukkan bahawa Tanggapan Kebergunaan (TK) disokong secara signifikan oleh Sikap terhadap Penggunaan (STP) dan Keinginan Bertingkah Laku (KBL). Sebaliknya, Tanggapan Mudah Diguna (TMD) hanya disokong oleh Tanggapan Kebergunaan (TK) dan tidak

berkaitan secara positif dengan Sikap terhadap Penggunaan (STP) platform pendanaan awam. Sikap terhadap Penggunaan (STP) juga didapati berkaitan secara signifikan dengan Keinginan Bertingkah Laku (KBL). Hasil kajian ini memberikan dapatan yang berguna kepada bidang pendanaan awam yang sedang berkembang dalam konteks pendidikan dan membolehkan pihak pengurus mengenal pasti faktor-faktor penting yang mempengaruhi pelajar untuk menderma menerusi platform pendanaan awam.

This research aims to examine the willingness of students from University of Technology Malaysia (UTM) to donate through a crowdfunding platform for university-related contributions, using the Technology Acceptance Model (TAM) as a framework. Four key variables are used as measurements, namely Perceived Ease of Use (PEOU), Perceived Usefulness (PU), Attitude Toward Using (ATU), and Behavioral Intention (BI). The background of this study highlights that university students face financial constraints that affect their studies. Despite the university's efforts to provide aid, it remains insufficient due to the rising cost of living. This study employs a quantitative approach. Data were collected through a questionnaire survey involving 312 respondents from the University of Technology Malaysia. The research utilizes IBM SPSS software to analyze the sample and provide descriptive results, and PLS-SEM using SmartPLS version 4.0 to analyze the research model. The results indicate that Perceived Usefulness (PU) is significantly supported by Attitude Toward Using (ATU) and Behavioral Intention (BI). In contrast, Perceived Ease of Use (PEOU) is only supported by Perceived Usefulness (PU) and not positively related to Attitude Toward Using (ATU) the crowdfunding platform. While Attitude Toward Using (ATU) is significantly related to Behavioral Intention (BI). These results contribute valuable insights to the growing field of crowdfunding in educational settings and enable practitioners to identify the crucial factors that influence students.

GELAGAT PENDERMAAN SECARA DALAM TALIAN DALAM KALANGAN MASYARAKAT MALAYSIA

Iffah Irdina Binti Mohd Yazid & Mohd Khairy Bin Kamarudin
iffahirdina@graduate.utm.my

Pendermaan dalam talian menawarkan kepada pelbagai lapisan masyarakat peluang yang lebih luas dan memudahkan individu untuk menyumbang secara lebih mudah dan berkesan. Walaubagaimanapun, realiti sumbangan rakyat Malaysia yang hanya menyumbang secara dalam talian kurang mendapat sambutan jika dibandingkan dengan negara-negara luar. Perkara ini telah menimbulkan kebimbangan terhadap negara Malaysia yang majoriti masyarakatnya adalah muslim. Hal ini menimbulkan keperluan untuk menjalankan kajian mendalam untuk mengenali faktor-faktor yang mempengaruhi kekurangan sumbangan dalam talian dalam kalangan masyarakat Malaysia. Kajian ini menggunakan Model Penerimaan Teknologi (TAM). Empat

pembolehubah digunakan sebagai ukuran, iaitu Tanggapan Mudah Diguna (TMD), Tanggapan Kebergunaan (TK), Sikap terhadap Penggunaan (STP) dan Keinginan Bertingkah Laku (KBL). Metodologi kajian yang dijalankan adalah dengan menggunakan kaedah kuantitatif iaitu data dikumpulkan melalui soal selidik dan diedarkan kepada masyarakat Malaysia. Seramai 304 responden pernah menderma secara dalam talian telah menjawab soal selidik tersebut. Kaedah analisis kajian pula adalah dengan menggunakan Partial Least Squares Structural Equation Modeling (PLS-SEM) bagi menyediakan keputusan diskriptif dan dibantu oleh IBM SPSS version 26 bagi menganalisis model penyelidikan. Analisis pekali laluan juga digunakan untuk menentukan hasil hubungan antara komponen. Hasil kajian menunjukkan bahawa terdapat hubungan positif yang signifikan antara Tanggapan Mudah Diguna (TMD) dengan Tanggapan Kebergunaan (TK). Selain itu, kajian ini juga menunjukkan bahawa Tanggapan Kebergunaan (TK) mempunyai perkaitan yang positif dengan Sikap Terhadap Penggunaan (STP) dan Keinginan Bertingkah Laku (KBL). Dapatan kajian turut mengesahkan hubungan signifikan antara Sikap Terhadap Penggunaan (STP) dan Keinginan Bertingkah Laku (KBL) dalam konteks pendermaan secara dalam talian di kalangan masyarakat Malaysia. Oleh itu, kajian ini dapat memberikan panduan terperinci kepada platform-platform pendermaan dalam talian dengan niat untuk meningkatkan keberkesanan perkhidmatan mereka serta memberi dorongan kepada masyarakat untuk menyumbang secara lebih aktif melalui medium dalam talian tersebut.

Online donations offer various segments of society a broader opportunity and make it easier for individuals to contribute effectively. However, online donations receive less support in Malaysia than other countries, raising concerns in predominantly Muslim Malaysia. There is a need for an in-depth study to understand the factors influencing the lack of online donations in Malaysian society. The study uses the Technology Acceptance Model (TAM) with four variables as measures: Perceived Ease of Use (PEU), Perceived Usefulness (PU), Attitude Toward Using (ATU), and Behavioral Intention (BI). The research methodology is quantitative, with data collected through surveys distributed to Malaysian society. A total of 304 respondents who have donated online participated in the survey. The research analysis method involves Partial Least Squares Structural Equation Modeling (PLS-SEM) and IBM SPSS version 26 for analyzing the research model. Path analysis is used to determine the relationship outcomes between components. The study findings indicate a significant positive relationship between Perceived Ease of Use (PEU) and Perceived Usefulness (PU). Additionally, the study shows that Perceived Usefulness (PU) has a positive relationship with Attitude Toward Using (ATU) and Behavioral Intention (BI). The research findings a positive significant relationship between Attitude Toward Using (ATU) and Behavioral Intention (BI) in the context of online donations among Malaysian society. Therefore, this study can provide detailed guidance to online donation platforms intending to enhance their service effectiveness and encourage the public to contribute more actively through these online mediums

PERSEPSI PENSYARAH AKADEMI TAMADUN ISLAM TERHADAP PENGAMALAN MENUTUP AURAT PELAJAR ISLAM DI UTM, SKUDAI

Jazli Zakwan Bin Ahmad Taha & Mohammad Naqib Bin Hamdan
miniminter001@gmail.com

Kajian ini berkaitan dengan Persepsi Pensyarah Akademi Tamadun Islam berkaitan Pengamalan Menutup Aurat Pelajar di UTM, Skudai. Pakaian adalah keperluan asas bagi manusia untuk menyelubungi seluruh tubuh mereka. Walaupun dalam masyarakat Islam hari ini, orang masih memakai pakaian yang menutupi aurat, isu-isu berkaitan dengan penutupan aurat terus menjadi perbincangan dalam kalangan pelajar universiti. Pada masa kini, kewajipan menutup aurat telah dianggap bukan sebagai suatu kewajipan yang patut diamalkan. Mereka lebih mengutamakan cara berpakaian yang mengikut trend atau perkembangan semasa dengan fesyen-fesyen yang kadangkala tidak sempurna aurat bila di pakai. Hal ini dapat dilihat dengan cara berpakaian pelajar-pelajar zaman kini. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti kewajipan menutup aurat yang disyariatkan dalam Islam. Pengkaji juga menjalankan kajian untuk menganalisis persepsi pensyarah Akademi Tamadun Islam berkaitan pengamalan menutup aurat pelajar di UTM. Kajian ini juga bertujuan untuk meneliti cadangan perlaksanaan pemakaian menutup aurat bagi pelajar Islam di UTM. Reka bentuk kajian yang dijalankan adalah kualitatif dengan menggunakan kaedah temubual. Pengkaji menggunakan analisis induktif bagi mencapai objektif 1 dan menggunakan analisis deduktif dan komparatif bagi mencapai objektif 2 dan 3. Sampel kajian yang disasarkan oleh pengkaji adalah seramai 4 orang pensyarah Akademi Tamadun Islam. Dapatan kajian mendapati bahawa setiap pensyarah mempunyai pandangan tersendiri dalam menjawab persoalan yang diajukan. Mereka umumnya mempunyai persepsi tersendiri berdasarkan pengalaman mereka di UTM. Mereka juga telah mencadangkan agar kod etika pemakaian dikuatkuasakan dan aktiviti kesedaran aurat dijalankan untuk meningkatkan kesedaran dan kepatuhan terhadap peraturan aurat, selaras dengan nilai Islam. Pengkaji mencadangkan individu perlu memahami kepentingan menutup aurat mengikut ajaran Islam dengan niat yang tulus kerana Allah SWT. Selain memperkukuh keimanan dan menjaga kesucian hati, pensyarah dicadangkan menjadi teladan dengan konsisten mengenakan tudung, memberi ceramah, bengkel, dan aktif dalam dakwah di kolej untuk meningkatkan kesedaran tentang menutup aurat.

This study examines the perceptions of lecturers from the Academy of Islamic Civilization regarding the practice of covering the aurat among students at UTM, Skudai. Clothing is a basic necessity for humans to cover their bodies. Despite this, issues related to covering the aurat continue to be a topic of discussion among university students. Nowadays, the obligation to cover the aurat is often not regarded as essential, with many prioritizing trendy fashion that sometimes fails to adequately cover the aurat. This can be observed in the way students dress today. The purpose of this study is to identify the obligation of covering the aurat as prescribed in Islam. The researcher also investigates the perceptions of lecturers

from the Academy of Islamic Civilization regarding students' practice of covering the aurat at UTM. Additionally, this study aims to examining the proposed implementation of veiling for Muslim students at UTM. The research design is qualitative, using interview methods. The researcher employs inductive analysis for achieving objective 1 and deductive and comparative analysis for objectives 2 and 3. The targeted sample consists of four lecturers from the Academy of Islamic Civilization. The findings reveal that each lecturer has their own perspective on the issues raised, largely based on their experiences at UTM. They generally suggest enforcing a dress code and conducting awareness activities to enhance understanding and adherence to aurat regulations in line with Islamic values. The researcher recommends that individuals understand the importance of covering the aurat according to Islamic teachings with sincere intention for Allah SWT. In addition to strengthening faith and maintaining purity of heart, lecturers are suggested to set an example by consistently wearing the hijab, delivering lectures, conducting workshops, and being actively involved in college dakwah activities to raise awareness about covering the aurat.

TAHAP PENGETAHUAN AL-QURAN DALAM KALANGAN MAHASISWA UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

Muhammad Al Afiq Bin Amiruddin & Muhammad Talhah Bin Jima'ain
muhammadalafiq@graduate.utm.my

Kajian ini merupakan satu tinjaun tentang tahap pengetahuan al-Quran dalam kalangan mahasiswa Universiti Teknologi Malaysia (UTM). Al-Quran merupakan mukjizat yang telah dikurniakan kepada umat nabi Muhammad SAW sebagai panduan dalam kehidupan seluruh muslim. Pembacaan al-Quran yang betul secara bertajwid dan tartil bukan sahaja memberikan ganjaran pahala kepada pembaca malahan memberikan impak positif di dalam kehidupan seperti ketenangan jiwa serta kemulian akhlak peribadi. Akan tetapi, fadilat membaca al-Quran tidak dapat untuk diambil sebaik mungkin sekiranya terdapat kelemahan di dalam pengetahuan ilmu al-Quran yang menyebabkan mereka tidak melazimi al-Quran dalam kehidupan seharian. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti tahap pengetahuan al-Quran dalam kalangan mahasiswa UTM, mengenal pasti faktor-faktor kurangnya pengetahuan al-Quran dalam kalangan mahasiswa dan mengenal pasti langkah-langkah menambahkan pengetahuan al-Quran mahasiswa. Reka bentuk kajian yang dijalankan adalah kajian kuantitatif dengan menggunakan borang soal selidik. Pengkaji menggunakan analisis deskriptif dengan menggunakan perisian Statistical Package for Social Science (SPSS) 29.0. Sampel kajian yang disasarkan oleh pengkaji dalam kajian ini adalah seramai 137 orang responden yang terdiri daripada mahasiswa tahun akhir (tahun empat) Sekolah Pendidikan (SOE) Universiti Teknologi Malaysia. Skor min tahap pengetahuan al-Quran dalam kalangan mahasiswa UTM adalah tinggi iaitu (Min = 4.01). Skor min faktor-faktor kurangnya pengetahuan al-Quran dalam kalangan mahasiswa mencatatkan skor min yang tinggi

iaitu (Min = 4.00). Skor min langkah langkah menambahkan pengetahuan al-Quran dalam kalangan mahasiswa menujukkan skor min yang sangat tinggi iaitu (Min = 4.59). Oleh itu, pengkaji mencadangkan agar pihak universiti meningkatkan lagi pembudayaan dalam kalangan mahasiswa UTM agar mahasiswa yang keluar daripada universiti bukan sahaja cemerlang di dalam akademik malahan hebat di dalam pengetahuan al-Quran mereka.

akademik mereka. ini membuktikan kewujudan aplikasi AI dapat membantu dari segi pendidikan dan tidak membawa kepada kemerosotan penguasaan akademik dalam kalangan pelajar teknikal dan kejuruteraan di UTM. Penyelidikan ini berfungsi sebagai bukti yang menarik tentang impak positif terhadap aplikasi AI dalam bidang pendidikan, dengan ini ianya dapat menyokong pengunaan AI secara meluas untuk memupuk gabungan teknologi dalam pendidikan bagi mempercepatkan pertumbuhan dan pembangunan akademik dalam kalangan pelajar.

The rapid and widespread advancement of technology undeniably has revolutionised teaching and learning methods in today's world. Particularly, the emergence and integration of artificial intelligence (AI) have played a crucial role in transforming the educational landscape. It is widely acknowledged that when used positively, AI can enhance the learning process significantly. Therefore, the main aim of this study is to investigate the extent to which students use AI applications in a manner that positively impacts their academic mastery, as well as to ascertain whether there is a tendency for students to rely on AI without critical thinking in completing their academic assignments, which could potentially lead to a decline in their academic performance. To identify the objectives of this study, a quantitative research approach was adopted, using correlation methods to examine the relationship between academic mastery and dependence on AI applications among students of technical and engineering disciplines at the Universiti Teknologi Malaysia (UTM). The sample size was determined based on Fisher's formula to ensure the minimum required sample size for establishing confidence in this study. After conducting the research and analysing the findings, it was evident that technical and engineering students at UTM demonstrate high levels of academic mastery, commensurate with a significant dependence on AI applications. On average, respondents from this study were able to derive substantial benefits from the use of artificial intelligence, contributing to the improvement of their academic performance. The conclusion drawn from this study is that the majority of respondents utilise AI applications to enhance their academic mastery, demonstrating that the existence of AI applications can aid rather than hinder academic performance among technical and engineering students at UTM. This research serves as compelling evidence of the positive impact of AI applications in education, supporting the widespread adoption of AI to foster technological integration in education, thereby accelerating academic growth and development among students.

KEMAHIRAN TEKNOLOGI INTERNET OF THINGS (IOT) DALAM KURSUS PENDAWAIAN DOMESTIK BAGI PELAJAR PENDIDIKAN TEKNIKAL DAN VOKASIONAL DI UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

Ahmad Khairul Amin Bin A.ghani & Hanifah Binti Jambari
ahmadkhairulamin@graduate.utm.my

Sejak beberapa dekad yang lalu muncul berbagai jenis teknologi canggih yang telah mengubah kaedah pembelajaran tradisional kepada kaedah pembelajaran atas talian. Internet of Things (IoT) antara salah satu teknologi dalam pendidikan yang sering digunakan bukan sahaja di institusi pengajian tinggi bahkan di sekolah dan di kolej vokasional. Teknologi IoT dilihat mampu diaplikasikan dalam subjek amali kerana penggunaannya dapat menghubungkan berbagai peralatan, peranti, mesin dan penderia dalam satu jaringan internet. Salah satu kursus amali yang boleh mengaplikasikan penggunaan teknologi IoT adalah kursus Pendawaian Domestik yang diambil oleh pelajar Pendidikan Teknikal dan Vokasional untuk meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran supaya seiring dengan kemajuan teknologi dan transformasi digital. Satu kajian deskriptif berbentuk tinjauan telah dijalankan bagi mendapatkan data mengenai kemahiran Teknologi Internet of Things (IoT) dalam kursus Pendawaian Domestik bagi pelajar PTV di Universiti Teknologi Malaysia. Instrumen yang digunakan dalam penyelidikan ini adalah borang soal selidik. Populasi bagi penyelidikan ini adalah pelajar PTV yang mengambil subjek Pendawaian Domestik di Universiti Teknologi Malaysia. Seramai 78 orang responden telah menjawab soalan soal selidik yang diedarkan menggunakan laman sesawang Google Form. Analisis soal selidik ini terdiri daripada 4 bahagian iaitu bahagian A, bahagian B, bahagian C dan bahagian D. Bahagian A merupakan maklumat responden atau demografi. Manakala Bahagian B pula adalah berkaitan dengan kepentinggan penggunaan IoT kepada pelajar PTV dalam subjek pendawaian domestik. Bahagian C pula menunjukkan tahap pengetahuan pelajar PTV dalam mengaplikasikan kemahiran IoT dalam subjek pendawaian domestik. Akhir sekali adalah bahagian D iaitu berkaitan dengan tahap kemahiran pelajar PTV dalam menggunakan teknologi IoT dalam subjek pendawaian domestik. Data yang diperolehi dianalisis dalam bentuk kekerapan, peratusan dan min dengan menggunakan Statistical Package for Sciences (SPSS). Hasil dapatan kajian mendapati bahawa kebanyakkan pelajar bersetuju akan kepentingan penggunaan teknologi IoT namun mereka tidak memiliki pengetahuan dan kemahiran yang mencukupi untuk mengaplikasikan kemahiran teknologi IoT dalam pembelajaran. Hal ini kerana kurikulum program PTV kurang menyediakan pendedahan mengenai penggunaan IoT dalam bidang pendawaian elektrik.

Over the past few decades, various types of advanced technology have emerged that have changed traditional learning methods to online learning methods. Internet of Things (IoT) is one of the technologies in education that is often used not only in higher education institutions but also in schools and vocational colleges. One of the

practical courses that can apply the use of IoT technology is the Domestic Wiring course taken by Technical and Vocational Education students to improve the quality of teaching and learning to keep pace with technological advancement and digital transformation. A descriptive study in the form of a survey was conducted to obtain data on Internet of Things (IoT) technology skills in the Domestic Wiring course for PTV students at Universiti Teknologi Malaysia. The instrument used in this research is a questionnaire. The population for this research is PTV students taking the Domestic Wiring subject at Universiti Teknologi Malaysia. A total of 78 respondents answered the questionnaire that was distributed using the Google Form website. The analysis of this questionnaire consists of 4 parts, namely part A, part B, part C and part D. Part A is the respondent's or demographic information. While Part B is related to the importance of using IoT for PTV students in the subject of domestic wiring. Part C shows the level of knowledge of PTV students in applying IoT skills in the subject of domestic wiring. Lastly is part D which is related to the skill level of PTV students in using IoT technology in the subject of domestic wiring. The data obtained was analyzed in the form of frequency, percentage and mean using the Statistical Package for Sciences (SPSS). The results of the study found that most students agree on the importance of using IoT technology but they do not have enough knowledge and skills to apply IoT technology skills in learning. This is because the curriculum of the PTV program lacks exposure on the use of IoT in the field of electrical wiring.

TAHAP KEMAHIRAN TEKNOLOGI HIJAU DALAM PELAJAR PENDIDIKAN TEKNIKAL DAN VOKASIONAL DI UTM

Ahmad Nur Syazwanuddin Bin Juhari & Hanifah Binti Jambari
ahmadnursyazwanuddin@graduate.utm.my

Peningkatan pemanasan global akibat tangan kotor manusia telah menyebabkan berlakunya ketidakseimbangan terhadap ekosistem bumi. Pelbagai jenis flora dan fauna yang menghuni pelbagai habitat turut terkesan sehingga menyebabkan terdapat beberapa spesies telah diancam kepupusan dan ada diantaranya telahpun pupus sepenuhnya.Bagi mengimbangi semula kerosakan yang dilakukan pertubuhan dunia UNESCO telah memperkenalkan Sustainable Development Goals (SDG) dimana salah satu daripada 13 SDG yang disenaraikan menekankan tentang penggunaan tenaga hijau dalam kehidupan masyarakat kini. Bagi menyahut seruan itu,sektor pendidikan telah menerapkan pembelajaran berkaitan teknologi hijau dalam silibus pembelajaran pada masa kini.Namun begitu,sejauh manakah kesediaan bakal guru pada masa akan datang dalam menyampaikan berkenaan teknologi hijau bagi memberikan kesedaran kepada masyarakat dalam mengaplikasikan teknologi hijau dalam kehidupan seharian.Justeru,kajian ini dijalankan bagi mengenalpasti tahap kemahiran teknologi hijau dalam diri bakal guru pendidikan teknikal dan vokasional di Universiti Teknologi Malaysia dengan objektifnya adalah bagi mengenalpasti tentang kepentingan teknlogi

hijau,pengetahuan pelajar PTV berkaitan teknologi hijau serta tahap kemahiran pelajar PTV dalam mengaplikasikan teknologi hijau. Sebanyak 85 orang pelajar yang terdiri daripada tahun 3 dan tahun 4 daripada khusus Sarjana Muda Teknologi dengan Pendidikan (Elektrik dan Elektronik),Pendidikan Kejuruteraan Mekanikal serta Pendidikan Binaan Bangunan dari UTM telah terpilih dalam menjadi responden kepada kajian ini.Statistik deskriptif digunakan untuk menganalisis data-data yang diperolehi daripada edaran soal selidik menggunakan laman sesawang Google Form. Borang soal selidik yang terdiri daripada bahagian dimana bahagian pertama A berkaitan demografi,bahagian B pulai berkaitan dengan kepentingan teknologi hijau.Untuk bahagian C dan bahagian D adalah berkaitan dengan pengetahuan dan tahap kemahiran tentang teknologi hijau.Analisis yang diperoleh daripada kajian ini menunjukkan bahawa jumlah purata skor min bagi ketiga-tiga bahagian memperoleh jumlah skor melebihi 3.50. Ini menunjukkan kesemua responden mempunyai ilmu yang baik berkaitan teknologi hijau. Beberapa penambahbaikan boleh dilakukan ke atas kajian ini pada masa akan datang.

The increase in global warming due to the dirty hands of humans has caused an imbalance in the earth's ecosystem. Various types of flora and fauna that inhabit various habitats have also been affected so that some species have been threatened with extinction and some of them have become completely extinct. In order to compensate for the damage done by the world organization UNESCO has introduced the Sustainable Development Goals (SDG) where one of the 13 SDGs listed emphasizes the use of green energy in society's life today. To respond to the call, the education sector has implemented learning related to green technology in the current learning syllabus. However, to what extent are future teachers prepared in the future to convey about green technology to give awareness to the community in applying green technology in everyday life. Therefore, this study was conducted to identify the level of green technology skills in prospective technical and vocational education teachers at Universiti Teknologi Malaysia with the objective being to identify the importance of green technology, the knowledge of PTV students related to green technology as well as the level of skills of PTV students in applying green technology. A total of 85 students consisting of year 3 and year 4 from Bachelor of Technology with Education (Electrical and Electronics), Mechanical Engineering Education and Building Construction Education from UTM have been selected as respondents to this study. Descriptive statistics were used to analyse the data- data obtained from the distribution of questionnaires using the Google Form website. The questionnaire consists of a section where the first section A is related to demographics, and section B is related to the importance of green technology. Section C and section D are related to knowledge and skill levels about green technology. The analysis obtained from this study shows that the average total mean score for the three sections obtained a total score above 3.50. This shows that all respondents have good knowledge related to green technology. Some improvements can be made on this study in the future .

TAHAP KESEDIAAN GURU PELATIH DALAM MELAKSANAKAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN SEMASA LATIHAN MENGAJAR DI KOLEJ VOKASIONAL

Auni Tasnim Binti Sukri & Mohd Fahmi Bin Adnan
aunitasnim@gmail.com

Latihan Mengajar (LM) adalah satu kursus wajib yang perlu diambil oleh semua pelajar Ijazah Sarjana Muda Pendidikan dengan tujuan untuk memberikan pengalaman mengajar dan mengaplikasikan pengetahuan teori dan praktikal dalam situasi sebenar di sekolah. Latihan Mengajar juga bertujuan untuk meningkatkan profesionalisme keguruan kepada guru pelatih supaya dapat mengajar dan mengawal bilik darjah dengan berkesan. Namun, terdapat isu-isu berkaitan tahap kesediaan guru pelatih yang kurang memuaskan dalam proses pengajaran dan pembelajaran dijalankan. Berdasarkan kajian lepas, terdapat segelintir guru pelatih yang menunjukkan sikap negatif terhadap aspek penyediaan Rancangan Pengajaran Harian (RPH) dan amalan penulisan refleksi. Tujuan utama kajian ini adalah untuk mengukur tahap kesediaan guru pelatih dalam menyediakan Rancangan Pengajaran Harian (RPH) dan amalan penulisan refleksi dalam kalangan guru pelatih. Kajian ini meninjau tahap kesediaan guru-guru pelatih Jabatan Pendidikan Teknikal dan Kejuruteraan, Sekolah Pendidikan dalam melaksanakan Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) semasa menjalani Latihan Mengajar (LM) di Kolej Vokasional. Kajian berbentuk pendekatan kuantitatif ini menggunakan instrumen borang soal selidik dalam mengumpul data kajian dari 91 orang pelajar Jabatan Pendidikan Teknikal dan Kejuruteraan, Sekolah Pendidikan di Universiti Teknologi Malaysia yang dipilih secara persampelan berstrata (rawak mudah). Hasil analisis data kajian mendapati bahawa tahap kesediaan guru pelatih dalam melaksanakan PdP dalam aspek penyediaan RPH dan amalan penulisan refleksi semasa menjalani LM di Kolej Vokasional adalah pada tahap sederhana. Oleh itu, berdasarkan hasil dapatan kajian ini, pengkaji ingin mencadangkan kepada pihak Jawatankuasa Pengurusan Latihan Mengajar Sekolah Pendidikan untuk memberikan fokus yang lebih terhadap usaha meningkatkan kemahiran dan kesedaran guru pelatih dalam aspek penulisan dan penyediaan RPH serta amalan penulisan refleksi. Ini secara tidak langsung akan dapat meningkatkan profesionalisme keguruan dan kualiti guru-guru keluaran Sekolah Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia.

Teaching Training is a compulsory course for all Bachelor of Education students, designed to provide teaching experience and the application of theoretical and practical knowledge in real school settings. Its aim is also to enhance the teaching professionalism of trainee teachers, enabling them to teach and manage classrooms effectively. However, issues have been identified regarding the readiness level of trainee teachers, which has been found to be unsatisfactory in the teaching and learning process. Previous research indicates that some trainee teachers exhibit a negative attitude towards preparing Daily Lesson Plans and practicing reflective

writing.The primary purpose of this study is to measure the readiness level of trainee teachers in preparing Daily Lesson Plans and engaging in reflective practices. Specifically, this study examines the readiness level of trainee teachers from the Department of Technical and Engineering Education, School of Education, in conducting teaching and learning activities during their Teaching Training at Vocational Colleges.This quantitative study uses a questionnaire to collect data from 91 students in the Department of Technical and Engineering Education at Universiti Teknologi Malaysia, selected through stratified sampling (simple random). Data analysis results indicate that the readiness level of trainee teachers in preparing Daily Lesson Plans and reflective writing practices during their Teaching Training at Vocational Colleges is moderate.Based on these findings, the researcher suggests that the Education School Teaching Training Management Committee focus more on improving the skills and awareness of trainee teachers in writing and preparing Daily Lesson Plans and reflective practices. This will indirectly enhance the professionalism and quality of teachers produced by the School of Education at Universiti Teknologi Malaysia.

CABARAN BAKAL GURU TERHADAP PELAKSANAAN PEMBELAJARAN BERASASKAN PROJEK DALAM PENDIDIKAN TVET DI KOLEJ VOKASIONAL

Azlin Asyiqin Binti Abdul Rahman & Mohd Fahmi Bin Adnan
azlinasyiqin@graduate.utm.my

Pembelajaran Berasaskan Projek (PjBL) merupakan pendekatan pendidikan yang menekankan pencapaian matlamat pembelajaran melalui penglibatan pelajar dalam projek amali atau projek yang berkaitan dengan dunia sebenar. PjBL merupakan pendekatan utama yang sering dilaksanakan dalam pengajaran dan pembelajaran di Kolej Vokasional. Pendekatan PjBL ini telah menjadi cabaran utama yang sering dihadapi oleh bakal guru untuk mengekalkan pelaksanaan pendekatan PjBL dalam sesi pengajaran dan pembelajaran dengan efektif dan berkualiti ketika menjalani Latihan Mengajar (LM) di Kolej Vokasional. Oleh itu, matlamat kajian ini adalah untuk mengkaji cabaran bakal guru terhadap pelaksanaan PjBL dalam pendidikan TVET di Kolej Vokasional. Kajian ini memfokuskan kepada dua konstruk utama iaitu cabaran pelaksanaan pendekatan PjBL yang dihadapi oleh bakal guru dalam aspek kawalan kelas dan kekurangan sumber. Kaedah penyelidikan kuantitatif melalui pengedaran instrumen borang soal selidik secara atas talian melalui Google Form telah digunakan bagi tujuan pengumpulan data kajian ini. Sebanyak 90 orang responden telah terlibat dalam kajian ini melalui persampelan rawak mudah yang terdiri daripada pelajar pendidikan teknikal di bawah Jabatan Pendidikan Teknikal dan Kejuruteraan (JPTK), Sekolah Pendidikan, UTM yang telah menjalani LM di Kolej Vokasional. Hubungan kedua-dua konstruk ini dikaji untuk menentukan kualiti pelaksanaan pendekatan PjBL oleh bakal guru di Kolej Vokasional dan telah dianalisis menggunakan analisis deskriptif dan ujian kolerasi Spearman. Hasil

dapatan kajian menunjukkan bahawa tahap cabaran penggunaan pendekatan PjBL yang dihadapi oleh bakal guru dalam aspek kawalan kelas dan kekurangan sumber masing-masing pada tahap yang sederhana. Justeru itu, pihak pengurusan JPTK adalah dicadangkan untuk menyemak kembali kurikulum pengajaran dengan memastikan elemen kemahiran mengajar menggunakan pendekatan PjBL kepada bakal guru keluaran JPTK, Sekolah Pendidikan UTM dapat ditingkatkan pada masa akan datang.

Project-Based Learning (PjBL) is an educational approach that emphasizes achieving learning goals through student involvement in charity projects or real-world related projects. PjBL is a primary approach often implemented in teaching and learning at Vocational Colleges. This approach presents a significant challenge for prospective teachers to effectively and qualitatively implement PjBL during their teaching training at Vocational Colleges. Therefore, the aim of this study is to examine the challenges prospective teachers face in implementing PjBL in TVET education at Vocational Colleges. This study focuses on two main constructs: the challenges of implementing the PjBL approach in terms of class control and lack of resources. Quantitative research methods were employed through the distribution of questionnaires online via Google Forms for data collection. A total of 90 respondents participated in this study, selected through simple random sampling from technical education students under the Department of Technical and Engineering Education (JPTK), School of Education, UTM, who have undergone teaching training at Vocational Colleges. The relationship between these two constructs was analyzed to determine the quality of PjBL implementation by prospective teachers at Vocational Colleges, using descriptive analysis and Spearman's correlation test. The results show that the level of challenge in using the PjBL approach, in terms of class control and lack of resources, is moderate. Therefore, it is suggested that the management of JPTK review the teaching curriculum to ensure that the teaching skills using the PjBL approach for prospective teachers from the JPTK, UTM School of Education, can be improved in the future.

PERSEPSI BAKAL GURU TERHADAP KEBERKESANAN PEMBELAJARAN TVET DENGAN KAEDAH DIGITAL

Mohammad Rohaizad Bin Mohd.yusof & Muhammad Khair Bin Noordin
mohammadrohaizad@graduate.utm.my

Pembelajaran Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET) dengan kaedah digital merujuk kepada penggunaan teknologi dan platform dalam talian untuk menyampaikan kandungan pendidikan teknikal dan vokasional. Kaedah ini merangkumi penggunaan perisian simulasi, kursus dalam talian, dan bahan multimedia yang interaktif, yang bertujuan untuk meningkatkan keberkesanan dan aksesibiliti pendidikan TVET. Teknologi digital dapat membantu dalam

penyampaian pengetahuan yang lebih dinamik dan interaktif, serta membolehkan pembelajaran yang lebih fleksibel dan dapat diakses pada bila-bila masa dan di mana sahaja. Kajian ini bertujuan untuk meneliti persepsi bakal guru terhadap keberkesanan pembelajaran TVET dengan kaedah digital. Dalam era digital ini, penggunaan teknologi dalam pendidikan semakin penting untuk meningkatkan kualiti pembelajaran dan pengajaran. Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif dengan mengedarkan soal selidik kepada 50 bakal guru yang sedang mengikuti program TVET di Universiti Teknologi Malaysia (UTM). Soal selidik ini merangkumi soalan tahap kesediaan mempraktikkan penggunaan digital, kesan penggunaan digital dalam subjek TVET dan tahap penggunaan digital. Data yang diperoleh dianalisis menggunakan statistik deskriptif untuk menentukan persepsi bakal guru terhadap pembelajaran digital dalam TVET. Hasil kajian menunjukkan bahawa majoriti responden mempunyai persepsi positif terhadap keberkesanan kaedah pembelajaran digital dalam TVET. Antara faktor yang menyumbang kepada persepsi ini termasuklah kemudahan akses kepada bahan pembelajaran yang interaktif dan berkualiti tinggi, peningkatan motivasi pelajar melalui penggunaan teknologi yang menarik, dan fleksibiliti waktu pembelajaran yang membolehkan pelajar belajar mengikut kadar mereka sendiri. Walau bagaimanapun, terdapat juga cabaran yang dikenal pasti seperti kekurangan kemahiran digital dalam kalangan guru, masalah teknikal seperti sambungan internet yang tidak stabil, dan kekurangan sokongan teknikal. Konklusi kajian ini menunjukkan bahawa pembelajaran digital mempunyai potensi besar untuk meningkatkan kualiti pendidikan TVET. Dengan langkah-langkah yang betul, keberkesanan pembelajaran TVET secara digital dapat dipertingkatkan, memberikan manfaat yang signifikan kepada pelajar dan sistem pendidikan secara keseluruhan.

Technical Education and Vocational Training Learning (TVET) with digital *methods refers to the use of online technology and platforms to deliver technical and vocational educational content. This method includes the use of simulation software, online courses, and interactive multimedia materials, aimed at improving the effectiveness and accessibility of TVET education. Digital technology can help in more dynamic and interactive knowledge delivery, as well as enabling more flexible and accessible learning anytime and anywhere. The study aims to investigate the perception of future teachers of the effectiveness of learning TVET with digital methods. In this digital age, the use of technology in education is becoming increasingly important for improving the quality of learning and teaching. The study uses a quantitative approach by distributing the questionnaire to 50 prospective teachers who are attending the TVET program at the Malaysian University of Technology. (UTM). The questionnaire covers questions about the level of readiness to practice digital use, the impact of digital use on the subject of TVET and the degree of digital usage. The data obtained was analyzed using descriptive statistics to determine future teacher perceptions of digital learning in TVET. The results of the study show that the majority of respondents have a positive perception of the effectiveness of digital learning methods in TVET. Factors contributing to this perception include ease of access to high-quality interactive learning materials,*

increased student motivation through the use of attractive technology, and flexible learning time that allows students to study at their own pace. However, there are also identified challenges such as a shortage of digital skills among teachers, technical problems such as unstable internet connections, and a lack of technical support. The findings of this study show that digital learning has great potential to improve the quality of TVET education. With the right steps, the effectiveness of digital TVET learning can be enhanced, delivering significant benefits to students and the educational system as a whole.

KAEDAH MENGAPLIKASI TEKNOLOGI DIGITAL DALAM PEMBELAJARAN TVET BAGI BAKAL GURU

Muhammad Syafiq Zairen Bin Mohd Sueib & Muhammad Khair Bin Noordin
muhammadsyafiqzairen@graduate.utm.my

Proses pembelajaran adalah proses di mana individu memperoleh pengetahuan baru, kemahiran, tingkah laku, dan sikap yang dipengaruhi oleh gabungan faktor kognitif, emosi, dan persekitaran. Dalam landskap global yang sentiasa berkembang, pendekatan pendidikan tradisional telah berkembang untuk menggabungkan teknologi moden dalam usaha meningkatkan pemikiran kritis individu dan keupayaan menyelesaikan masalah. Di Malaysia, terdapat peralihan ketara ke arah integrasi Pembelajaran Digital dalam Pendidikan Vokasional (TVET), dengan tujuan menyediakan asas pendidikan praktikal untuk profesional masa depan. Penggunaan teknologi dalam TVET bukan sahaja memudahkan pembelajaran, malah juga memenuhi keperluan pelajar yang lebih digital. Walau bagaimanapun, pendekatan ini masih menghadapi cabaran, terutamanya berkaitan dengan kecekapan teknikal pendidik serta kekurangan peralatan untuk pembelajaran amali. Oleh itu, tujuan utama kajian ini adalah untuk menilai tahap penguasaan teknologi digital oleh bakal guru PTV di UTM, serta untuk mengetahui sama ada bakal guru PTV di UTM memahami bagaimana memilih kaedah pengajaran yang menggunakan teknologi digital dalam proses pembelajaran, terutama sekali dalam pembelajaran amali, dan cara mengatasi kekurangan peralatan amali melalui kaedah teknologi digital. Kajian ini menggunakan pendekatan penyelidikan kuantitatif deskriptif untuk mengetahui kaedah mengaplikasi teknologi digital dalam pembelajaran TVET bagi bakal guru tahun 3 dan 4 Pendidikan Teknik dan Vokasional di Universiti Teknologi Malaysia (UTM). Seramai 89 responden telah terlibat dalam kajian ini. Setelah menjalankan penyelidikan dan menganalisis dapatan kajian, terbukti bahawa bakal guru Pendidikan Teknik dan Vokasional (PTV) di UTM mempamerkan tahap penguasaan yang tinggi dalam memilih dan mengaplikasi teknologi digital dalam pembelajaran, selaras dengan perkembangan digital. Hasil kajian ini dijangka dapat meningkatkan keberkesanan pembelajaran TVET dengan ketara dan memastikan keselarasannya dengan kemajuan teknologi yang berterusan.

The learning process is where individuals acquire new knowledge, skills, behaviors, and attitudes influenced by a combination of cognitive, emotional, and environmental factors. In our ever-evolving global landscape, traditional education approaches have developed to incorporate modern technology to enhance individuals' critical thinking and problem-solving abilities. In Malaysia, there has been a significant shift towards integrating Digital Learning in Vocational Education and Training (TVET), aiming to provide a practical educational foundation for future professionals. The use of technology in TVET not only facilitates learning but also meets the needs of more digitally oriented students. However, this approach still faces challenges, particularly related to educators' technical competencies and the lack of equipment for practical learning. Therefore, the main objective of this study is to assess the level of digital technology proficiency among future TVET teachers at UTM, as well as to determine whether these future TVET teachers at UTM understand how to select teaching methods using digital technology in the learning process, especially in practical learning, and how to overcome the lack of practical equipment through digital technology methods. This study employs a descriptive quantitative research approach to examine how digital technology is applied in TVET learning for third- and fourth-year Technical and Vocational Education students at Universiti Teknologi Malaysia (UTM). A total of 89 respondents participated in this study. After conducting the research and analysing the findings, it is evident that future Technical and Vocational Education (TVET) teachers at UTM exhibit a high level of proficiency in selecting and applying digital technology in learning, in line with digital developments. The results of this study are expected to significantly improve the effectiveness of TVET learning and ensure its alignment with ongoing technological advancements.

KEMAHIRAN BERFIKIR ARAS TINGGI (KBAT) TERHADAP KAEDAH PEMBELAJARAN BERASASKAN PERMAINAN DI KALANGAN PELAJAR KOLEJ VOKASIONAL

Muhammad Syahmi Bin Che Nan & Nurul Aini Binti Mohd Ahyan
syahmi01@graduate.utm.my

Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti tahap KBAT terhadap kaedah pembelajaran berasaskan permainan di kalangan pelajar Kolej Vokasional Tanjung Puteri di Johor Bharu. Kajian ini berdasarkan objektif dan persoalan iaitu tahap pemikiran kritis,tahap pemikiran kreatif ,tahap penyelesaian masalah dan perbezaan hubungan antara jantina pelajar Teknologi Elektrik dan Elektronik di Kolej Vokasional terhadap pembelajaran berasaskan permainan dalam meningkatkan penguasaan KBAT. Metodologi kajian yang digunakan ialah secara kuantitatif. Untuk tujuan pengumpulan data, satu set soal selidik telah digunakan. Soal selidik yang digunakan dalam kajian ini dibahagikan kepada dua bahagian iaitu Bahagian A untuk data demografi dan Bahagian B pula mengenai mengenalpasti tahap KBAT

terhadap kaedah pembelajaran berasaskan permainan di kalangan pelajar Kolej Vokasional Tanjung Puteri di Johor Bharu iaitu pemikiran kritis, pemikiran kreatif dan penyelesaian masalah. Pemilih responden kajian ini terdiri daripada 60 orang responden yang mana pelajar tahun 2 SVM program Teknologi Elektrik dan Elektronik di Kolej Vokasional Tanjung Puteri di Johor Bharu. Hasil kajian dianalisis menggunakkan perisisian Stastiscal Package for Social Science (SPSS) versi 26.0. Secara keseluruhannya, hasil kajian sebenar menunjukkan nilai min bagi tahap penyelesaian masalah berada pada tahap tertinggi iaitu (3.63), tahap pemikiran kritis (3.62) tahap penyelesaian masalah pelajar Teknologi Elektrik dan Elektronik di Kolej Vokasional Tanjung Puteri terhadap pembelajaran berasaskan permainan dalam meningkatkan penguasaan KBAT (3.58). Akhir sekali, tiada perbezaan hubungan yang signifikan antara tahap pemikiran kritis dan jantina

This study aims to identify the level of Higher Order Thinking Skills (HOTS) in relation to game-based learning methods among students at Tanjung Puteri Vocational College in Johor Bharu. The study is based on objectives and questions that focus on the levels of critical thinking, creative thinking, problem-solving skills, and the differences in gender relationships among Electrical and Electronic Technology students at the Vocational College in relation to game-based learning in enhancing HOTS mastery. The methodology used in the study is quantitative. For data collection purposes, a set of questionnaires was used. The questionnaires used in this study are divided into two sections: Section A for demographic data and Section B to identify the level of HOTS in relation to game-based learning methods among students at Tanjung Puteri Vocational College in Johor Bharu, focusing on critical thinking, creative thinking, and problem-solving skills. The study's respondents consisted of 60 second-year SVM students from the Electrical and Electronic Technology programs at Tanjung Puteri Vocational College in Johor Bharu. The results of the study were analyzed using the Statistical Package for Social Science (SPSS) version 26.0. Overall, the actual study results show that the mean value for the problem-solving level is the highest (3.63), followed by the critical thinking level (3.62) and the problem-solving level of Electrical and Electronic Technology students at Tanjung Puteri Vocational College in enhancing HOTS mastery (3.58). Finally, there is no significant difference in the relationship between critical thinking levels and gender.

PEMBANGUNAN NODUL AKADEMIK SUBJEK PAPAN SUIS UTAMA

Nik Amira Najihah Binti Nik Rashidi & Kamalularifin Bin Subari
nikamiranajihah@graduate.utm.my

Abstrak ini memberikan maklumat umum tentang pembangunan modul akademik untuk mata pelajaran Papan Suis Utama (PSU). Modul ini dicipta khusus untuk menyediakan panduan lengkap tentang pengenalan, fungsi, jenis dan komponen utama PSU. Selain itu, dalam peraturan pemasangan juga terdapat contoh gambarajah skematik yang bertujuan untuk memudahkan pemahaman. Modul ini bertujuan untuk meningkatkan pemahaman pelajar tentang aspek teknikal dan praktikal PSU, seperti peraturan bekalan elektrik, kawalan sistem, dan perlindungan dalam sistem elektrik. Modul ini menyediakan penerangan terperinci dan jelas yang membantu pelajar memahami kepentingan PSU dalam sistem elektrik serta tuntutan keselamatan dan kecekapan apabila dipasang. Modul ini menggabungkan teori dengan amalan supaya pelajar dapat memahaminya secara mendalam dan mengaplikasikannya secara berkesan dalam situasi sebenar. Modul ini juga direka bentuk untuk memudahkan proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) dengan menyediakan bahan pengajaran yang cekap dan menarik. Modul ini bukan sahaja menyediakan nota dan teks, tetapi juga termasuk imej ilustrasi dan soalan penilaian untuk memastikan pemahaman pelajar. Beliau juga menggunakan bahasa yang mudah dipelajari oleh pelajar, menghilangkan keperluan merujuk bahan dalam bahasa Inggeris yang mungkin menjadi penghalang kepada sesetengah pelajar. Hasil kajian menunjukkan modul ini amat berguna kepada guru dalam melaksanakan proses PdP. Modul ini menyediakan bahan berstruktur dan sistematik, seterusnya mengurangkan masa yang diperlukan untuk menyediakan bahan pengajaran. Pelajar juga boleh menjalankan pembelajaran kendiri yang lebih cekap tanpa perlu terlalu bergantung kepada nota yang disediakan oleh guru. Modul ini dibangunkan untuk menyediakan sumber rujukan utama untuk pelajar dan profesional yang ingin mempelajari ilmu berkaitan Papan Suis Utama. Ini diharapkan dapat meningkatkan kefahaman dan penguasaan pelajar dalam bidang ini.

This abstract gives general information about the development of academic modules for the Main Switch Board (PSU) subject. This module is specifically created to provide a complete guide on the identification, functions, types and main components of PSUs. In addition, in the installation rules there are also examples of schematic diagrams that aim to facilitate understanding. This module aims to improve students' understanding of the technical and practical aspects of PSUs, such as power supply regulation, system control, and protection in electrical systems. This module provides detailed and clear explanations that help students understand the importance of PSUs in electrical systems and the safety and efficiency requirements when installed. This module combines theory with practice so that students can understand deeply and apply it effectively in real situations. This module is also designed to facilitate the teaching and learning process (PdP) by providing efficient and interesting teaching materials. This module not only provides

notes and taxis, but also includes illustrative images and assessment questions to ensure student understanding. He also uses language that is easy for students to learn, eliminating the need to refer to materials in English that may be a barrier for some students. The results of the study show that this module is very useful for teachers in implementing the PdP process. This module provides structured and systematic material, further reducing the time required to prepare teaching material. Students can also carry out more efficient self-checks without having to rely too much on the notes provided by the teacher. This module was developed to provide a primary reference source for students and professionals who wish to learn knowledge related to Main Switchboards. This is expected to increase students' understanding and mastery in this field.

APLIKASI MODEL SULAM DALAM PEMBELAJARAN SERVIS : IMPAK TERHADAP KEMAHIRAN TEKNIKAL

Nurul Syahira Binti Mohd Ramli & Mahyuddin Bin Arsat
syahira99@graduate.utm.my

Majikan industri yang mengatakan para graduan masa kini masih lagi menghadapi kekurangan dari aspek kemahiran teknikal terutamanya kemahiran penggunaan teknologi yang terkini. Kemahiran teknikal merupakan kefahaman dan kecekapan dalam sesuatu aktiviti yang khusus. Kemahiran teknikal yang dikaji adalah berkaitan kemahiran penggunaan perisian lukisan teknikal , perisian pengaturcaraan , asas ketukangan dan aplikasi penyuntingan. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti tahap pengetahuan dan tahap kemahiran pelajar yang menyertai pembelajaran servis serta impak penglibatan pembelajaran servis terhadap kemahiran teknikal pelajar tahun satu hingga tahun empat Sekolah Pendidikan, FSSK, UTM. Seramai 147 orang pelajar telah menjadi responden dalam kajian ini. Seterusnya,instrumen yang digunakan adalah set soal selidik yang mengandungi 58 item bagi mengukur tahap kemahiran teknikal pelajar. Kesemua data yang diperoleh daripada instrumen yang digunakan iaitu borang soal selidik yang edarkan mengikut kelompok telah dianalisis secara deskriptif bagi tahap pengetahuan dan tahap kemahiran pelajar dengan menggunakan perisian Statistical Package for Social Science Version 25 For Windows (SPSS) bagi mendapatkan kekerapan, peratusan, nilai min dan sisihan piawai. Kemudian, data dianalisis menggunakan korelasi Spearman bagi mengukur hubungan di antara pengetahuan teknologi kejuruteraan dengan kemahiran teknikal. Seterusnya , bagi mengetahui impak penglibatan pembelajaran servis terhadap kemahiran teknikal pelajar, data dianalisis dengan menggunakan kaedah ujian U Mann-Whitney. Dapatan daripada kajian ini menunjukkan bahawa tahap pengetahuan teknologi kejuruteraan dan kemahiran teknikal pelajar teknikal dan vokasional (TVET) pada tahap yang tinggi serta terdapat hubungan yang signifikan di antara pengetahuan teknologi kejuruteraan dengan kemahiran teknikal. Akhir sekali, penglibatan dalam pembelajaran servis yang menggunakan model SULAM memberi impak yang signifikan terhadap kemahiran teknikal pelajar dimana

penguasaan kemahiran teknikal pelajar meningkat selepas menglibatkan diri dalam pembelajaran servis.

Employers in the industrial sector assert that today's graduates still face deficiencies in technical skills, particularly in utilizing the latest technologies. Technical skills refer to the understanding and proficiency in specific activities. The technical skills examined in this study include proficiency in technical drawing software, programming, basic craftsmanship, and editing applications.This research aims to identify the knowledge level and skill proficiency of students participating in service-learning and the impact of such engagement on their technical skills from first to fourth year at the School of Education, Faculty of Social Sciences and Humanities, Universiti Teknologi Malaysia (UTM). A total of 148 students participated as respondents in this study. The instrument used was a questionnaire containing 58 items designed to measure students' technical skill levels. All data collected through the distributed questionnaires were analysed descriptively using the Statistical Package for Social Sciences Version 25 for Windows (SPSS) to obtain frequencies, percentages, minimum values, and standard deviations. Furthermore, the data were analysed using Spearman correlation to measure the relationship between engineering technology knowledge and technical skills. Additionally, to assess the impact of service-learning engagement on technical skills, data were analysed using the Mann-Whitney U test. The findings indicate that technical and vocational (TVET) students have a high level of knowledge in engineering technology and technical skills, with a significant relationship observed between engineering technology knowledge and technical skills. Finally, involvement in service-learning using SULAM model shows significantly enhances students' technical skills, demonstrating an improvement in their technical proficiency following participation in service-learning activities.

AMALAN PEMBELAJARAN SERVIS DI MAKMAL KOMUNITI: SATU KAJIAN DI INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI AWAM

Yushaireen Syafiqa Binti Yusof & Mahyuddin Bin Arsat
yushaireensyafiqa@graduate.utm.my

Makmal komuniti dianggap sebagai sebuah instrumen dimana wujudnya peserta, sumber, aktiviti yang membolehkan inovasi pada semua fasa kitaran hayat, dan semua anggota akan bekerjasama dalam proses penciptaan, prototaip, pengesahan serta pengujian sesuatu projek atau produk dalam konteks kehidupan sebenar. Amalan pembelajaran servis di makmal komuniti adalah merujuk kepada kandungan pembelajaran servis, pengurusan pembelajaran servis, kolaborasi dengan komuniti dan pihak berkepentingan pembelajaran servis dan keterlibatan pelajar di dalam pembelajaran servis di makmal komuniti. Seramai 57 orang pensyarah dan pengajar kursus telah menjadi responden dalam kajian ini. Kajian ini telah menggunakan reka bentuk kajian campuran yang menggabungkan pendekatan secara kuantitatif dan

kualitatif dan menggunakan reka bentuk convergen campuran selari. Kajian rintis telah dijalankan ke atas sepuluh (10) orang pensyarah dan pengajar kursus bagi menguji kebolehan dan kesahan item serta pernyataan yang jelas dan berstruktur di dalam kedua-dua instrumen. Kedua-dua data kajian telah dianalisis menggunakan kaedah analisis deskriptif dan kaedah analisis tematik. Data hasil kajian kuantitatif ini dianalisis dengan menggunakan perisian Statistical Package for Social Science Version 27 For Windows (SPSS) bagi mendapatkan kekerapan, peratusan, nilai min dan sisihan piawai. Manakala bagi data hasil kajian kualitatif yang diperolehi melalui kaedah temubual digunakan untuk memperoleh pola ketepuan data bagi menjawab semua lima persoalan utama yang dikaji. Dapatan daripada kajian ini menunjukkan bahawa amalan pembelajaran servis di makmal komuniti merujuk kepada kesemua elemen berada pada tahap yang tinggi dan keempat-empat tema telah dikenalpasti bagi semua elemen tersebut. Oleh itu, amalan bagi kandungan pembelajaran servis di makmal komuniti adalah meliputi kandungan pembelajaran servis yang menepati objektif pembelajaran, amalan pengurusan pembelajaran servis pula adalah merujuk kepada peruntukan sumber kewangan, manakala amalan kolaborasi dengan komuniti dan pihak berkepentingan adalah dengan melakukan perbincangan secara terbuka. Akhir sekali ialah amalan keterlibatan pelajar di dalam pembelajaran servis adalah pemilihan pelajar yang mempunyai kemahiran generik yang baik.

The community lab is considered an instrument where participants, resources, and activities enable innovation at all phases of the life cycle, and all members collaborate in the creation, prototyping, validation, and testing of a project or product in a real-life context. Service-learning practices in the community lab refer to service-learning content, service-learning management, collaboration with the community and stakeholders, and student engagement in service-learning within the community lab. A total of 57 lecturers and course instructors participated as respondents in this study. This study employed a mixed-method design that combined quantitative and qualitative approaches using the 'Convergent-Parallel Mixed Design'. A pilot study was conducted on ten (10) lecturers and course instructors to test the ability and validity of items, clear and structure of statements in both instruments. The data from the study were analysed using descriptive analysis and thematic analysis methods. Quantitative data were analysed using the Statistical Package for Social Science Version 27 for Windows (SPSS) to obtain frequencies, percentages, mean values, and standard deviations. Meanwhile, qualitative data obtained through interviews were used to derive data saturation patterns to answer all five main research questions. Findings from this study indicate that service-learning practices in the community lab, referring to all elements, are at a high level, and four themes have been identified for all these elements. Therefore, it is suggested that further studies be conducted to assess other elements related to service-learning practices in the community lab. Therefore, the practice for the content of service learning in the community laboratory is to cover the content of service learning that meets the learning objectives, the practice of management of service learning refers to the allocation of financial resources, while the practice of collaboration with the

community and stakeholders is to have open discussions. Finally, the practice of student involvement in service learning is the selection of students who have good generic skills.

SENARAI ABSTRAK
PROJEK SARJANA MUDA (PSM)

SARJANA MUDA SAINS DENGAN PENDIDIKAN (SAINS SUKAN) [SHPS]

KEBERKESANAN LATIHAN BEBANAN GYM DALAM MENGHASILKAN KEKUATAN OTOT KAKI PADA ATLET BASIKAL

Estiqfaiq Bin Eiszaham & Halijah Bt. Ibrahim
estiqfaiq@graduate.utm.my

Kajian ini bertujuan untuk menilai keberkesanan latihan bebanan gym dalam meningkatkan kekuatan otot kaki atlet berbasikal. Latar belakang kajian menunjukkan bahawa sukan berbasikal di Malaysia semakin berkembang dengan atlet-atlet yang cemerlang di peringkat antarabangsa. Kajian ini menggunakan pendekatan eksperimen dengan melibatkan enam orang atlet berbasikal negeri Johor yang berusia antara 17 hingga 21 tahun. Metodologi kajian melibatkan latihan bebanan gym yang dirancang secara sistematik dan dipantau oleh jurulatih suaian fizikal dan pengkaji. Subjek perlu menjalani ujian pra kekuatan kaki dan seterusnya subjek perlu menjalani program latihan bebanan gym selama 4 minggu. Program latihan bebanan gym telah di hasilkan oleh pengkaji. Subjek terbahagi kepada tiga kumpulan iaitu kumpulan track, kumpulan gym dan kumpulan gym&track. Selepas empat minggu berlatih, kesemua enam subjek perlu menjalani ujian pasca kekuatan kaki. Ujian pra dan pasca kekuatan kaki dilaksanakan dengan menggunakan ujian sprint 6second on wahoo dengan rintangan yang telah ditetapkan. Hasil kajian menunjukkan bahawa terdapat peningkatan signifikan dalam kekuatan otot kaki selepas menjalani latihan bebanan gym. Atlet yang mengikuti latihan bebanan gym menunjukkan peningkatan kekuatan kaki sekitar 20%. Perbincangan menunjukkan bahawa latihan bebanan gym adalah penting dalam program latihan atlet berbasikal untuk meningkatkan prestasi dan mengurangkan risiko kecederaan. Cadangan kajian termasuk memperluas kajian ini dengan sampel yang lebih besar dan jangka masa yang lebih panjang untuk memahami kesan jangka panjang latihan bebanan gym terhadap atlet berbasikal.

studies show that the vapor from electronic cigarettes contains chemicals that can affect lung health and cardiovascular performance. This study employed an experimental method involving two groups of subjects: athletes who use electronic cigarettes and those who do not. Data was obtained through spirometry tests measuring lung capacity before and after physical exercise, namely running on a treadmill. The study examined the effects of electronic cigarettes on athlete performance, focusing on lung function measured through Forced Vital Capacity (FVC). Paired t-test analysis showed no significant difference in FVC between the group using electronic cigarettes and those not using them. However, there was variation in results between the first and second day of testing, with the second day showing more noticeable differences. Independent samples t-test analysis on athletes using electronic cigarettes and those not using them after 4 weeks of training also showed nonsignificant results. The t-test for equality of means yielded a t-value of -1.17, with a mean difference between the two groups of -0.48. However, this difference did not reach conventional significance levels ($p<0.05$), either for one-tailed ($p=0.14$) or two-tailed ($p=0.28$) tests. The small mean differences and limited sample size ($N=5$) may have influenced these results. This study concludes that there is no strong evidence regarding the effects of electronic cigarettes on athlete performance based on FVC measurements. However, it is recommended that further studies be conducted with larger sample sizes, longer durations, and additional parameter measurements to assess the long-term effects of electronic cigarette use on athlete performance more comprehensively.

PERKAITAN ANALISIS KINEMATIK DENGAN KELAJUAN LEPASAN BOLA SEPAK DALAM KALANGAN PELAJAR SAINS SUKAN UTM

Muhammad Afiq Aiman Bin Kadis & Hadafi Fitri Bin Mohd Latip
muhammadafiqaiman.k@graduate.utm.my

Bola sepak merupakan salah satu sukan yang sangat diminati ramai, tidak kira jantina, bangsa, agama, dan juga umur. Pengenalan sukan ini sangat memberi impak yang besar buat negara kita dari segi sosial dan juga ekonomi. Penggunaan dan penguasaan teknik-teknik dalam bola sepak merupakan suatu perkara yang harus dilakukan oleh setiap atlet bola sepak. Dengan adanya penguasaan tersebut, atlet mampu mengawal perlawanan dengan lebih baik. Namun begitu, masih ada lagi pihak yang tidak mengetahui bahawa bentuk fizikal seseorang itu juga boleh mempengaruhi corak permainan. Kajian ini menggunakan kaedah kajian lapangan untuk mengkaji hubungan antara sudut, kelajuan, dan panjang kaki dengan kelajuan lepasan sepakan bola dalam kalangan pemain bola sepak pelajar Sains Sukan Universiti Teknologi Malaysia. Penyelidikan dijalankan di Padang Kolej Dato' Seri Endon dengan sampel terdiri daripada 18 pemain bola sepak. Pengukuran panjang kaki menggunakan kaedah antropometrik, manakala sudut dan kelajuan kaki dianalisis menggunakan perisian Kinovea. Data kelajuan bola juga diperoleh melalui analisis video menggunakan Kinovea. Data yang dikumpul dianalisis menggunakan

program SPSS 29.0. Penyelidikan ini bertujuan untuk mendapatkan data yang tepat dan membantu memahami faktor-faktor yang mempengaruhi kelajuan sepakan bola. Dapatan kajian dianalisis secara deskriptif (skor min dan sisihan piawai) dan analisis inferensi yang menggunakan kaedah kolerasi Pearson bagi perkaitan diantara panjang kaki, sudut kaki dan kelajuan kaki dengan kelajuan lepasan sepakan bola di kalangan pelajar Sains Sukan UTM. Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa tiada data yang signifikan terhadap ketiga-tiga perkaitan tersebut yang mana nilai p = <0.05. Oleh itu, perkaitan antara panjang, sudut, dan kelajuan kaki dengan kelajuan lepasan sepakan bola tidak disokong oleh data kajian ini. Faktor-faktor yang mungkin menyumbang kepada keputusan yang tidak signifikan ini mungkin disebabkan oleh subjek yang diambil merupakan atlet amatur dan bukannya atlet elit dimana atlet elit menghabiskan lebih banyak masa latihan berbanding atlet amatur.

Soccer is one of the sports that many people are interested in, regardless of gender, race, religion, and age. The introduction of this sport has a great impact on our country socially and economically. The use and mastery of techniques in football is something that every football athlete should do. With such dominance, athletes are able to control the match better. However, there are still others who do not know that a person's physical shape can also affect the game pattern. This study uses the field research method to examine the relationship between the angle, speed, and length of the legs with the release speed of the ball kick among soccer players who are students of Sports Science at Universiti Teknologi Malaysia. The research was conducted at Padang Kolej Dato' Seri Endon with a sample consisting of 18 soccer players. Leg length measurements were made using anthropometric methods, while leg angles and speeds were analyzed using Kinovea software. Ball speed data was also obtained through video analysis using Kinovea. The collected data was analyzed using the SPSS 29.0 program. This research aims to obtain accurate data and help understand the factors that affect the speed of kicking the ball. The findings of the study were analyzed descriptively (mean score and standard deviation) and inferential analysis using the Pearson correlation method for the relationship between leg length, leg angle and leg speed with ball kick release speed among UTM Sports Science students. The results of the study show that there is no significant data on the three relationships where the value of p = <0.05. Therefore, the relationship between length, angle, and foot speed with the ball kick release speed is not supported by the data of this study. Factors that may contribute to these non-significant results may be due to the subjects taken being amateur athletes rather than elite athletes where elite athletes spend more time training than amateur athletes.

PERKAITAN SUDUT HAYUNAN TANGAN TERHADAP SUDUT LEPASAN BOLA BAGI ATLET BOLING TENPIN UTM

Muhammad Afiq Bin Ozaini & Hadafi Fitri Bin Mohd Latip
afiq-00@graduate.utm.my

Kajian ini bertujuan untuk menganalisis sudut lepasan dan sudut hayunan tangan atlet boling tenpin di Universiti Teknologi Malaysia (UTM) serta mengenalpasti perkaitan antara kedua-dua sudut tersebut. Kajian ini menggunakan kaedah eksperimental melibatkan 10 orang atlet boling UTM. Setiap balingan dirakam dan dianalisis menggunakan perisian Kinovea. Hasil kajian menunjukkan bahawa sudut hayunan tangan tertinggi ialah 134.5 darjah (Subjek 3) manakala sudut terendah ialah 92.8 darjah (Subjek 7). Sudut lepasan bola tertinggi ialah 90 darjah (Subjek 5) dan sudut terendah ialah 45.1 darjah (Subjek 7). Ujian korelasi menunjukkan hubungan positif yang lemah (r = 0.258) antara sudut hayunan tangan dan sudut lepasan bola, namun tidak signifikan secara statistik (p = 0.472). Analisis statistik deskriptif menunjukkan ciri-ciri fizikal subjek termasuk umur, berat badan, tinggi, BMI, panjang dan lebar tapak tangan. Kesimpulan kajian menunjukkan tiada hubungan signifikan antara sudut hayunan tangan dan sudut lepasan bola dalam kajian ini. Implikasi kajian ini mencadangkan peningkatan latihan dan teknik bagi atlet boling, sementara kajian akan datang disarankan untuk melibatkan subjek peringkat kebangsaan dan antarabangsa serta menggunakan peranti yang lebih tepat bagi analisis yang lebih baik.

This study aims to analyze the release angle and hand swing angle of tenpin bowling athletes at Universiti Teknologi Malaysia (UTM) and identify the relationship between the two angles. This study uses an experimental method involving 10 UTM bowling athletes. Each throw was recorded and analyzed using Kinovea software. The results of the study show that the highest hand swing angle is 134.5 degrees (Subject 3) while the lowest angle is 92.8 degrees (Subject 7). The highest ball release angle was 90 degrees (Subject 5) and the lowest angle was 45.1 degrees (Subject 7). The correlation test showed a weak positive relationship (r = 0.258) between the hand swing angle and the ball release angle, but it was not statistically significant (p = 0.472). Descriptive statistical analysis showed the subjects' physical characteristics including age, body weight, height, BMI, palm length and width. The conclusion of the study shows that there is no significant relationship between the hand swing angle and the ball release angle in this study. The implications of this study suggest improving training and technique for bowling athletes, while future studies are recommended to involve national and international subjects and use more accurate devices for better analysis.

KESAN LATIHAN IMAGERI TERHADAP PRESTASI 'SHOT ON TARGET' PEMAIN FUTSAL WANITA UTM.

Muhammad Arif Naqiuddin Bin Mohd Noor & Zainal Abidin B Zainuddin
arifnaqiuddin1999@gmail.com

Kajian ini bertujuan untuk menganalisis kesan latihan imageri terhadap prestasi 'shot on target' pemain futsal wanita di Universiti Teknologi Malaysia (UTM). Latihan imageri adalah teknik psikologi yang melibatkan visualisasi mental untuk meningkatkan prestasi fizikal dalam sukan. Prestasi pemain futsal wanita di UTM menunjukkan variasi dalam ketepatan 'shot on target'. Penyelidikan terdahulu menunjukkan bahawa latihan imageri dapat meningkatkan prestasi atlet dalam pelbagai sukan, namun aplikasi dan kesannya dalam futsal wanita masih kurang dikaji. Masalah utama kajian ini adalah untuk menentukan sama ada latihan imageri dapat memberi kesan signifikan terhadap prestasi 'shot on target' pemain futsal wanita di UTM. Objektif kajian ini adalah menganalisis tahap prestasi 'shot on target' oleh pemain futsal wanita UTM sebelum dan selepas latihan dan menilai kesan pelaksanaan latihan imageri terhadap prestasi 'shot on target' pemain futsal wanita UTM. Kajian ini menggunakan reka bentuk kuantitatif dengan tiga kumpulan iaitu kumpulan kawalan, kumpulan eksperimen dan kumpulan relaksasi. Kumpulan eksperimen menjalani latihan imageri manakala kumpulan kawalan hanya menjalani latihan fizikal. Kumpulan relaksasi pula perlu mendengar muzik sebelum melakukan kajian. Seramai 15 atlet futsal wanita UTM dipilih sebagai sampel kajian. Data dikumpulkan melalui ujian prestasi 'shot on target' dan dianalisis menggunakan ujian indepent t-test dan one way anova untuk menentukan perbezaan signifikan antara tiga kumpulan.Hasil kajian menunjukkan tidak terdapat perbezaan signifikan antara kumpulan kawalan, eksperimen dan relaksasi. Walaupun terdapat peningkatan prestasi dalam kumpulan eksperimen, perubahan tersebut tidak cukup signifikan secara statistik. Implikasi kajian ini mencadangkan bahawa latihan imageri memerlukan penyesuaian lebih lanjut untuk mencapai hasil yang diinginkan. Kajian lanjutan perlu dilakukan untuk memperhalusi teknik dan aplikasi latihan imageri dalam futsal wanita. Latihan imageri mempunyai potensi untuk meningkatkan prestasi 'shot on target' pemain futsal wanita, namun kajian lanjut diperlukan untuk memahami sepenuhnya kesannya dan mengoptimumkan teknik ini untuk kegunaan praktikal.

This study aims to analyze the effect of imagery training on the performance of female futsal players at Universiti Teknologi Malaysia (UTM). Imagery training is a psychological technique that involves mental visualization to improve physical performance in sports. The achievements of female futsal players at UTM show variations in the accuracy of 'shot on target'. Previous research has shown that imagery training can improve athletes' performance in various sports, but its application and effects in women's futsal are still understudied. The main problem of this study is to determine whether imagery training can have a significant impact on the 'shot on target' performance of female futsal players in UTM. The objective

of this study is to analyze the level of 'shot on target' performance by UTM female futsal players before and after training and to evaluate the impact of the implementation of imagery training on the 'shot on target' performance of UTM female futsal players. This study used a quantitative design with three groups, namely the control group, the experimental group and the relaxation group. The experimental group underwent imagery training while the control group only underwent physical training. The relaxation group had to listen to music before doing the study. A total of 15 UTM female futsal athletes were selected as the study sample. Data were collected through a 'shot on target' performance test and analysed using independent t-test and one way anova to determine significant differences between the three groups. The results of the study showed that there was no significant difference between the control, experimental and relaxation groups. Although there was an increase in performance in the experimental group, the change was not statistically significant enough. The implications of this study suggest that imagery training requires further adjustment to achieve the desired results. Further studies need to be carried out to refine the technique and application of imagery training in women's futsal. Imagery training has the potential to improve the 'shot on target' performance of female futsal players, however further research is needed to fully understand its effects and optimise this technique for practical use.

KESAN LATIHAN PLIOMETRIK TERHADAP PRESTASI LOMPATAN DALAM KALANGAN PEMAIN BOLA TAMPAR LELAKI UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA, SKUDAI, JOHOR

Muhammad Fadzril Harith Bin Mohammad Fadzil & Muhamad Hafiz Bin Ismail

fadzril@graduate.utm.my / fadzr1480@gmail.com

Prestasi lompatan memainkan peranan penting dalam kecergasan dan kemahiran bagi seorang pemain bola tampar. Terdapat beberapa kajian menyatakan bahawa latihan pliometrik mampu meningkatkan prestasi lompatan seorang pemain bola tampar. Namun begitu, kajian ini kurang dilakukan ke atas pemain bola tampar. Justeru, kajian eksperimental ini dilaksanakan adalah untuk mengkaji kesan latihan pliometrik terhadap prestasi lompatan dalam kalangan pemain bola tampar lelaki Universiti Teknologi Malaysia. Seramai 12 orang subjek yang berumur 19 hingga 25 tahun telah dibahagikan kepada dua kumpulan iaitu, kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan. Kesemua subjek perlu melakukan ujian pra dan ujian pasca melalui ujian Sargent Jump dan Standing Broad Jump untuk melihat ketinggian lompatan dan jarak lompatan yang terbaik. Kemudian, subjek bagi kumpulan rawatan melakukan prosedur latihan pliometrik, manakala kumpulan kawalan tidak melakukan sebarang latihan. Data yang direkodkan telah dianalisis dengan menggunakan perisian Statistical Packages for the Social Sciences (SPSS). Selain itu, ujian t-test berpasangan dilakukan bagi melihat perbandingan sebelum dan selepas melakukan latihan pliometrik (kumpulan rawatan) dengan kumpulan yang

tidak menjalani latihan. Dapatan kajian menunjukkan terdapat perbezaan signifikan ($p<0.05$) untuk skor ujian lompatan menegak sebelum/selepas latihan pliometrik bagi kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan yang tidak menjalani latihan tersebut. Hasil kajian telah mendapati bahawa terdapat perbezaan tidak signifikan ($p>0.05$) untuk skor ujian lompatan jauh berdiri bagi kumpulan kawalan pada ujian pasca dan terdapat perbezaan signifikan ($p<0.05$) untuk skor ujian lompatan jauh berdiri bagi kumpulan kawalan pada ujian pra. Kesimpulannya, melakukan latihan pliometrik jelas memberikan kesan terhadap peningkatan prestasi lompatan dalam kalangan pemain bola tampar lelaki Universiti Teknologi Malaysia.

Jumping performance is crucial for the fitness and skill development of volleyball players. Numerous studies have indicated that plyometric training can enhance a volleyball player's jump performance. However, research specifically targeting volleyball players remains limited. This experimental study aims to investigate the effects of plyometric training on the jumping performance of male volleyball players at University Technology Malaysia. A total of 12 subjects, aged 19 to 25 years, were divided into two groups namely a treatment group and a control group. All subjects underwent pre- and post-tests using the Sargent Jump and Standing Broad Jump tests to measure their maximum jump height and distance. The treatment group engaged in a plyometric exercise procedure, while the control group did not engage in any specific training. The recorded data were analysed using the Statistical Package for the Social Sciences (SPSS) software. Additionally, paired t-tests were conducted to compare the pre- and post-training results between the treatment and control groups. The findings revealed a significant improvement ($p<0.05$) in vertical jump test scores for the treatment group after plyometric training, compared to the control group which did not undergo the training. Furthermore, the study found no significant difference ($p>0.05$) in the standing broad jump test scores for the control group in the post-test, but a significant difference ($p<0.05$) was observed in the pre-test scores. In summary, plyometric training evidently enhances jumping performance among the men's volleyball players at University Technology Malaysia.

KAJIAN PERKAITAN MOTIVASI DAN STRES DENGAN POLA TIDUR DALAM KALANGAN ATLET

Muhammad Fathul Azmi Bin Kamarudin & Syahrul Ridhwan Bin Morazuki
muhammadfathulazmi@graduate.utm.my

Motivasi dan stres merupakan faktor psikologi yang boleh mempengaruhi kualiti tidur dan prestasi atlet. Oleh itu, kajian ini dilaksanakan bagi mengkaji perkaitan antara motivasi dan stres dengan pola tidur dalam kalangan atlet. Seramai 97 orang atlet dari pelbagai jenis sukan terlibat sebagai responden untuk kajian ini. Semua responden memberi maklum balas bagi tahap motivasi (intrinsik, ekstrinsik dan amotivasi), tahap stres (stres, kebimbangan dan kemurungan) dan pola tidur menerusi soal selidik The Sport Motivation Scale (SMS-28), Ujian Saringan Minda Sihat (DASS21) dan Sleep Quality Scale (SQS). Dapatan analisis deskriptif menunjukkan nilai median bagi dimensi motivasi intrinsik dan ekstrinsik pada tahap tinggi. Namun amotivasi menunjukkan pada tahap yang sangat rendah. Bagi dimensi stres kebimbangan dan kemurungan menunjukan pada tahap yang lemah. Manakala nilai median bagi pola tidur juga pada tahap yang sangat tinggi.. Data pekali korelasi Spearman dalam kajian ini memaparkan perkaitan yang signifikan antara motivasi dan stres dengan pola tidur. Namun, perkaitan yang positif direkodkan adalah bagi dimensi amotivasi dan kemurungan dengan pola tidur. Atlet yang mempunyai motivasi intrinsik dan ekstrinsik lebih cenderung mempunyai kualiti tidur yang lebih baik. Tidur yang cukup dan berkualiti adalah kunci utama dalam mengurangkan stres secara efektif. Dapatan kajian juga mendapati, sebilangan atlet yang mengalami amotivasi lebih cenderung mengalami masalah tidur dan mengganggu pola tidur harian mereka. Pola tidur yang tidak teratur dapat meningkatkan risiko atlet menghadapi kemurungan. Kesimpulannya, motivasi dan stres memainkan peranan yang penting bagi mendapatkan pola tidur yang lebih baik.

Motivation and stress are psychological factors that can influence the quality of sleep and the performance of athletes. Therefore, this study was conducted to examine the relationship between motivation and stress with sleep patterns among athletes. A total of 97 athletes from various sports participated as respondents for this study. All respondents provided feedback on their levels of motivation (intrinsic, extrinsic, and amotivation), levels of stress (stress, anxiety, and depression), and sleep patterns through the Sport Motivation Scale (SMS-28), the Depression Anxiety Stress Scales (DASS21), and the Sleep Quality Scale (SQS). Descriptive analysis findings showed that the median values for intrinsic and extrinsic motivation dimensions were at a high level. However, amotivation was shown to be at a very low level. For the stress, anxiety, and depression dimensions, the median values indicated weak levels. Meanwhile, the median value for sleep patterns was also at a very high level. The Spearman correlation coefficient data in this study displayed a significant relationship between motivation and stress with sleep patterns. However, a positive correlation was recorded for the dimensions of amotivation and

depression with sleep patterns. Athletes with intrinsic and extrinsic motivation were more likely to have better sleep quality. Adequate and quality sleep is a key factor in effectively reducing stress. The study also found that some athletes experiencing amotivation were more likely to have sleep problems, which disrupted their daily sleep patterns. Irregular sleep patterns can increase the risk of athletes facing depression. In conclusion, motivation and stress play important roles in achieving better sleep patterns.

KESAN LATIHAN KEKUATAN OTOT MENGGUNAKAN RESISTANCE BAND TERHADAP JARAK SCOOP BOLA HOKI

Muhammad Fuad Syahmi Bin Mahadi & Nur Fatihah Binti Raimi
muhammadfuadsyahmi@graduate.utm.my

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji kesan latihan kekuatan resistance band terhadap jarak scoop bola hoki. Pukulan scoop adalah teknik penting dalam hoki padang, ia digunakan untuk mengangkat bola ke atas lawan dan menghantarnya kepada rakan sepasukan atau ke arah gol. Oleh sebab kekuatan ini penting dalam melakukan scoop dengan jarak yang jauh, kajian ini mengenalpasti kesan latihan kekuatan otot menggunakan resistance band terhadap jarak scoop bola hoki. Seramai 12 orang main hoki telah dibahagikan kepada 2 kumpulan iaitu Kumpulan eksperimen dan Kumpulan kawalan. Kumpulan eksperimen melakukan latihan kekuatan otot menggunakan resistance band. Manakala Kumpulan kawalan hanya melakukan ujian scoop. Satu ujian pengukuran jarak telah dilakukan sebelum dan selepas latihan bagi kedua -dua Kumpulan. Ujian t test berpasangan digunakan bagi melihat kesan latihan kekuatan otot menggunakan resistance band terhadap jarak scoop bola hoki. Dapatan kajian menunjukkan Kumpulan eksperiment menujukkan nilai signifikan ($p < 0.05$). manakala bagi Kumpulan kawalan menunjukkan nilai tidak signifikan ($p > 0.05$). Kesimpulan dari kajian ini menunjukkan latihan kekuatan otot menggunakan resistance band berkesan dalam meningkatkan jarak scoop bola hoki. Hasil kajian ini menyarankan bahawa dengan meletakkan latihan resistance band dalam program latihan atlet hoki dapat memberikan manfaat yang signifikan terhadap perestasi mereka dalam scoop bola dan perlawanan.

This study aims to examine the effect of resistance band strength training on hockey ball scoop distance. The scoop shot is an important technique in field hockey, it is used to lift the ball over the opponent and pass it to a teammate or towards the goal. Because this strength is important in scooping a long distance, this study identified the effect of muscle strength training using resistance bands on the scoop distance of the hockey ball. A total of 12 people playing hockey were divided into 2 groups, the experimental group and the control group. The experimental group performed muscle strength training using resistance bands. While the control group only did the scoop test. A distance measurement test was done before and after training for both groups. A paired t test was used to see the effect of muscle strength training using resistance bands on the hockey ball scoop distance. The results of the study

showed that the experimental group showed a significant value (p < 0.05). while for the control group the value is not significant (p > 0.05). The conclusion of this study shows that muscle strength training using resistance bands is effective in increasing the scoop distance of the hockey ball. The results of this study suggest that putting resistance band training in the training program of hockey athletes can provide significant benefits to their performance in ball scooping and matches.

KESAN PROGRAM LATIHAN KETANGKASAN UNTUK MENINGKATKAN MASA REAKSI TERHADAP PENJAGA GOL BOLA BALING UTM

Muhammad Imran Bin Ishak & Nur Fatihah Binti Raimi
imran00@graduate.utm.my

Ketangkasan adalah sesuatu keupayaan untuk menukar arah dengan lebih cepat dan berkesan sebagai tindak balas kepada rangsangan. Penjaga gol bola baling memerlukan ketangkasan yang baik untuk menghalang pihak lawan menjaringkan gol. Secara umumnya, semakin tangkas seorang pemain, semakin tinggi masa reaksi yang dimiliki. Namun begitu, pendapat ini perlu dibuktikan. Justeru, kajian ini dilakukan untuk mengenalpasti kesan latihan ketangkasan terhadap masa reaksi penjaga gol bola baling UTM. Seramai 6 orang penjaga gol bola baling UTM ini terlibat sebagai subjek dalam kajian ini. Subjek dikehendaki menjalani latihan ketangkasan iaitu ladder drill, latihan zig-zag dan latihan shuttle run 5-10-5 selama 4 minggu. Ujian masa reaksi sebelum dan selepas dilakukan ke atas subjek. Data yang diperoleh dianalisis dengan menggunakan ujian T berpasangan untuk melihat perbandingan masa reaksi setiap subjek sebelum dan selepas latihan ketangkasan yang diberikan. Hasil kajian mendapati bahawa terdapat perbezaan yang signifikan ($p<0.05$) di antara masa reaksi sebelum dengan selepas latihan. Dapatan ini menunjukkan bahawa program latihan ketangkasan selama 4 minggu yang diberikan dapat meningkatkan masa reaksi penjaga gol bola baling UTM. Kesimpulannya, latihan dari segi komponen ketangkasan perlu diberikan penekanan oleh setiap jurulatih bola baling UTM bagi meningkatkan masa tindak balas bagi penjaga gol bola baling UTM ini agar pasukan bola baling UTM ini sentiasa berada dalam prestasi yang terbaik.

Agility is the ability to change direction more quickly and effectively in response to stimuli. Handball goalkeepers need good agility to prevent the opponent from scoring. In general, the more agile a player is, the higher their reaction time. However, this opinion needs to be proven. Therefore, this study was conducted to identify the effect of agility training on the reaction time of UTM handball goalkeepers. A total of 6 UTM handball goalkeepers were involved as subjects in this study. Subjects are required to undergo agility training which is ladder drill, zig-zag training and shuttle run 5-10-5 training for 4 weeks. Reaction time test before and after is done on the subject. The data obtained was analyzed using a

paired T test to see the comparison of the reaction time of each subject before and after the given agility training. The results of the study found that there was a significant difference ($p<0.05$) between the reaction time before and after training. This finding shows that a 4-week agility training program can improve the reaction time of UTM handball goalkeepers. In conclusion, training in terms of the agility component needs to be emphasized by every UTM handball coach to improve the reaction time for the UTM handball goalkeeper so that the UTM handball team is always in the best performance.

KESAN LATIHAN INTERVAL INTENSITI TINGGI TERHADAP MASA LARIAN 1500METER UTM

Muhammad Irfan Bin Mahmood & Adjah Naqkiah Binti Mazlan
irfanmahmoods1t5@gmail.com

Sukan larian 1500meter merupakan sukan yang mendapat manfaat daripada latihan interval intensiti tinggi. Pengaplikasian latihan interval intensiti tinggi dalam program latihan mingguan dilihat dapat memberikan kesan yang positif terhadap masa larian atlet. Dalam konteks sukan, latihan interval internsiti tinggi perlulah dilakukan secara rutin pada setiap minggu untuk memperoleh hasil yang ketara dalam larian. Tujuan utama kajian dijalankan untuk melihat kesan pelaksanaan latihan interval internsiti tinggi terhadap masa larian atlet 1500meter UTM. Seramai 5 orang subjek atlet UTM dipilih untuk mengikuti ujian masa larian 1500meter ini. Ujian masa yang diambil pada setiap setiap subjek adalah secara individu. Kesemua subjek menjalani ujian larian 1500meter sebanyak dua kali. Ujian masa larian 1500meter yang pertama adalah sebelum melakukan latihan interval internsiti tinggi dan ujian larian 1500meter yang kedua adalah selepas melakukan latihan interval internsiti tinggi selama 4 minggu berturut-turut. Analisis statistik menggunakan ujian-t mendapati terdapat perubahan yang signifikan ($p < 0.05$) bagi purata skor ujian masa larian 1500meter. Skor ujian larian masa larian 1500meter yang pertama mencatatkan nilai (min = 5.19) dan pada ujian larian 1500meter yang kedua mencatatkan nilai (min = 5.00). Kesimpulannya, perestasi masa larian 1500meter dapat ditingkatkan dengan menjalani latihan interval internsiti tinggi selama beberapa minggu secara berturut-turut bagi melihat perubahan prestasi atlet.

1500meter running is a sport that benefits from high intensity interval training. The application of high intensity interval training in the weekly training program is seen to have a positive effect on the athlete's running time. In the context of sports, high intensity interval training should be done routinely every week to obtain significant results in running. The main purpose of the study was to see the effect of high intensity interval training on the running time of athletes 1500meters UTM. A total of 5 UTM athletes were selected to participate in this 1500meter running time trial. The time test taken on each subject is individual. All subjects underwent a 1500meter run test twice. The first 1500meter running time test is before doing high intensity interval training and the second 1500meter running test is after doing high intensity

interval training for 4 consecutive weeks. Statistical analysis using the t-test found that there was a significant change ($p<0.05$) for the average score of the 1500meter run time test. The first 1500meter run time test score recorded a value (mean = 5.19) and the second 1500meter run test recorded a value (mean = 5.00). In conclusion, the performance of the 1500meter run time can be improved by undergoing high intensity interval training for several weeks in a row to see changes in the athlete's performance.

KESAN RENDAMAN AIS TERHADAP TAHAP KETEGANGAN DAN KEANJALAN OTOT GASTROCNEMIUS SELEPAS AKTIVITI DAYA TAHAN OTOT

Muhammad Irfan Bin Rahaizal & Asha Hasnimy Binti Mohd Hashim
irfan00@graduate.utm.my

Aktiviti fizikal sering menyebabkan ketegangan dan kelesuan otot yang menimbulkan keperluan untuk kaedah pemulihan yang berkesan seperti rendaman ais dan rehat aktif. Kajian ini bertujuan untuk membandingkan keberkesanan kedua-dua kaedah ini dalam mengurangkan ketegangan otot selepas melakukan aktiviti fizikal. Kajian ini dijalankan bertujuan untuk mengkaji kesan kaedah rendaman ais dan rehat aktif terhadap ketegangan dan keanjalan otot selepas melakukan aktiviti fizikal. Seramai 12 orang subjek lelaki (umur=23.17 tahun, tinggi=168.50cm, berat=65.03kg) dibahagikan kepada dua kumpulan secara rawak iaitu kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan. Kumpulan kawalan menjalani kaedah rehat aktif manakala kumpulan rawatan menjalani kaedah rendaman ais selepas aktiviti daya tahan otot (calf raises) dilaksanakan. Pengukuran terhadap tahap ketegangan dan keanjalan otot diambil sebanyak dua kali iaitu sejurus selepas subjek melakukan aktiviti calf raises dan selepas 15 minit subjek menjalani rehat aktif dan rendaman ais. Hasil kajian mendapati bahawa terdapat perbezaan yang signifikan antara pra dan pasca pemulihan ketegangan otot selepas melakukan aktiviti bagi kaedah rehat aktif iaitu $p=0.003$ pada kaki kanan dan $p=0.022$ pada kaki kiri. Bagi keanjalan otot pra dan pasca pemulihan kaedah rehat aktif pula, terdapat perbezaan yang signifikan iaitu $p=0.001$ pada kaki kanan dan $p=0.019$ pada kaki kiri. Hasil kajian juga menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan bagi ketegangan otot pra dan pasca pemulihan menggunakan kaedah rendaman ais selepas melakukan aktiviti iaitu $p=0.001$ pada kaki kanan dan $p=0.008$ pada kaki kiri. Keanjalan otot pra dan pasca pemulihan menggunakan kaedah rendaman ais selepas aktiviti juga menunjukkan perbezaan yang signifikan iaitu $p=0.004$ pada kaki kanan dan $p=0.009$ pada kaki kiri. Namun, tiada perbezaan yang signifikan terhadap ketegangan otot pada pasca pemulihan antara rehat aktif dan rendaman ais iaitu $p=0.954$ pada kaki kanan dan $p=0.206$ pada kaki kiri. Bagi perbandingan terhadap keanjalan otot antara kaedah rehat aktif dan rendaman ais pada pasca pemulihan pula, tiada perbezaan yang signifikan antara kedua-dua kaedah tersebut kerana nilai $p>0.05$ iaitu $p=0.901$ pada kaki kanan dan $p=0.512$ pada kaki kiri. Secara kesimpulannya, kedua-dua kaedah iaitu rehat aktif dan rendaman ais dapat membantu untuk mengurangkan

ketegangan dan kelesuan otot selepas melakukan aktiviti fizikal namun kaedah yang paling optimum untuk digunakan selepas melakukan aktiviti tidak dapat dibuktikan keberkesanannya kerana tiada perbezaan yang signifikan. Oleh itu, antara cadangan bagi melihat tahap keberkesanan kedua-dua kaedah ini adalah dengan menambah sebuah kumpulan yang menggunakan kaedah rehat pasif untuk melakukan perbandingan dengan dua kaedah tersebut.

Physical activity frequently leads to muscle tension and fatigue needing suitable methods of recovery such as ice immersion and active rest. The purpose of this study is to compare the effectiveness of these two approaches for relieving muscle tension following physical activity. This study analysed the effects of ice immersion and active rest on muscle tension and flexibility after physical activity. A total of 12 male subjects (age=23.17 years, height=168.50cm, weight=65.03kg) were randomly assigned to two groups: the control group and the treatment group. The control group underwent to active rest, whereas the treatment group was subjected to ice immersion following muscle endurance activities (calf raises). The subject's muscle tension and elasticity were measured twice: immediately after calf raises and after 15 minutes of active rest and ice immersion. The study's findings revealed a significant difference in pre and post recovery of muscle tension after completing activities using the active rest approach, with p=0.003 on the right leg and p=0.022 on the left. There is a significant difference in muscular elasticity before and after recovery applying the active rest method (p=0.001 on the right leg and p=0.019 on the left leg). The study's findings also show a significant difference in muscle tension pre and post recovery using the ice immersion method after performing exercises, with p=0.001 on the right leg and p=0.008 on the left leg. Muscle elasticity pre and post recovery applying the ice immersion approach after activity differed significantly (p=0.004 on the right leg and p=0.009 on the left leg). However, there is no significant difference in muscle tightness post-recovery between active rest and ice immersion (p=0.954 on the right leg and p=0.206 on the left leg). There is no significant difference in muscle elasticity between the active rest approach and ice immersion in post-rehabilitation, as indicated by p-values of 0.901 on the right leg and 0.512 on the left leg (p>0.05). As a summary, both methods, active rest and ice immersion, can help to reduce muscle tension and fatigue after activity, nevertheless the most effective strategy to use after activity cannot be shown beneficial because there is no significant difference. For comparing the effectiveness of different strategies, it is recommended to include a group using the passive rest strategy.

ANALISIS GAYA PENDEKATAN JURULATIH DI DTC-JB DAN DTC-KULAI.

Muhammad Irffan Bin Asamuddin & Diyana Zulaika Binti Abdul Ghani
muhammadirffan00@gmail.com

Gaya pendekatan jurulatih merujuk kepada cara yang digunakan oleh seorang jurulatih dalam melatih, membimbing, dan menguruskan pasukan atau individu atlet. Ini boleh mempengaruhi interaksi antara jurulatih dan pemain, perkembangan individu, serta prestasi keseluruhan pasukan. Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti dan membandingkan gaya pendekatan jurulatih (Command, Reciprocal, Problem- Solving, Guided Discovery) masing-masing secara individu bagi jurulatih pasukan bola sepak DTC-JB dan DTC-Kulai. Data dikumpul daripada empat jurulatih yang masing-masing menggunakan gaya pendekatan yang berbeza dalam sesi latihan mereka. Borang soal selidik mengumpul data kuantitatif mengenai gaya pendekatan jurulatih antara DTC-JB dan DTC-Kulai menggunakan skala Likert. Instrumen ini diadaptasi oleh Teejay D. Panganiban, memastikan relevansi dan ketepatan dalam konteks kajian. Analisis statistik deskriptif digunakan untuk menerangkan nilai gaya pendekatan yang digunakan oleh setiap jurulatih, manakala analisis inferensi digunakan untuk membandingkan gaya pendekatan antara jurulatih tersebut. Dapatan daripada kajian ini menunjukkan variasi yang ketara dalam gaya pendekatan yang digunakan oleh jurulatih daripada kedua-dua pasukan. Jurulatih A dan B dari pasukan DTC-JB menunjukkan kecenderungan yang lebih kuat terhadap gaya (Command dan Reciprocal), jurulatih B lebih cenderung kepada gaya jurulatih (Command dan Guided Discovery) manakala Jurulatih C dari DTC- Kulai lebih condong kepada gaya (Problem- Solving dan Guided Discovery) dan jurulatih B lebih cenderung kepada gaya jurulatih (Reciprocal dan Guided Discovery). Kajian lanjut yang melibatkan pemerhatian langsung interaksi antara jurulatih dan pemain, serta penilaian yang lebih mendalam terhadap faktor psikologi atlet, boleh memberikan pemahaman yang lebih komprehensif tentang bagaimana gaya pendekatan jurulatih mempengaruhi prestasi dan pencapaian pasukan dalam konteks pertandingan sukan. Kesimpulannya, gaya pendekatan jurulatih merupakan cara atau kaedah yang digunakan oleh seorang jurulatih dalam mengajar, membimbing, dan membina atlet. Setiap gaya mempunyai dan kekurangan tersendiri, dan seorang jurulatih yang efektif biasanya akan menggabungkan pelbagai pendekatan ini berdasarkan situasi dan keperluan atlet mereka.

The method a coach employs when instructing, managing, and training a team or a single athlete is referred to as their approach style. This may have an impact on player-coach interactions, personal growth, and team performance as a whole. The purpose of this study is to categorise and contrast each coach's approach type (Guided Discovery, Problem-Solving, Command, and Reciprocal) for the football teams at DTC-JB and DTC-Kulai. Data were gathered from four trainers, each of whom approached their training sessions in a unique way. Using a Likert scale, the questionnaire gathered quantitative information about the coach's approach style

between DTC-JB and DTC-Kulai. Teejay D. Panganiban modified this instrument to make sure it was accurate and relevant for the study. The value of each coach's approach style was explained using descriptive statistical analysis, and the approach styles of the coaches were compared using inferential analysis. The study's conclusions demonstrate a notable difference in the methods that the coaches of the two teams took. While Coach C from DTC-Kulai was more inclined towards the (Problem-Solving) style and Guided Discovery, Coach B was more inclined towards the coaching style (Reciprocal and Guided Discovery). Coaches A and B from the DTC-JB team demonstrated a stronger tendency towards the (Command and Reciprocal) style. An in-depth assessment of the psychological aspects of athletes and additional research involving the direct observation of coach-player interactions can yield a more thorough understanding of the ways in which a coach's approach style influences team performance and accomplishment in the setting of competitive sports. In summary, a coach's approach style refers to the strategy or technique they employ when mentoring, training, and developing athletes. Every coaching technique possesses advantages and disadvantages, and a proficient coach will typically blend these diverse methods according to the circumstances and requirements of their player.

KEBERKESANAN RAWATAN URUTAN SUKAN, TERAPI AIS DAN REHAT AKTIF TERHADAP DELAYED ONSET MUSCLE SORENESS(DOMS)

Muhammad Khairi Bin Khalid & Muhamad Hafiz Bin Ismail

Delayed onset muscle soreness (DOMS) merupakan keadaan di mana seseorang individu yang mengalami ketidakselesaan pada bahagian otot dalam tempoh 24 jam hingga 72 jam setelah melakukan sesuatu aktiviti fizikal yang berintensiti tinggi. Pelaksanaan rawatan urutan sukan,terapi ais dan rehat aktif terhadap DOMS dikatakan mampu membantu dalam proses pemulihan DOMS, namun begitu tiada lagi kajian yang berbentuk perbandingan antara ketiga-tiga kaedah ini dalam menentukan keberkesanan pemulihan daripada DOMS dan tempoh pemulihan yang manakah lebih singkat. Sehubungan dengan itu, kajian ini dijalankan bertujuan untuk mengenalpasti keberkesanan kaedah rawatan urutan sukan,terapi ais dan rehat aktif keatas pemulihan DOMS. Seramai 12 orang subjek yang terlibat dalam kajian ini min dan sisihan piawai umur 20.42 ± 0.52 tahun, berat badan 75.08 ± 14.16 kilogram dan ketinggian 171.25 ± 7.41 meter.Mereka dibahagikan kepada ketiga kumpulan secara rawak iaitu kumpulan urutan sukan ,terapi ais dan kumpulan rehat aktif. Kesemua subjek yang terlibat dikehendaki melakukan protokol DOMS iaitu melakukan aktiviti Unilateral Eccentric Forearm Curl sebanyak 4 set (12 kali pengulangan bagi setiap set) dengan beban sebanyak 80% dari 1RM. Pengukuran menggunakan Visual Analog Scale bagi ketiga kumpulan diambil pada 24 jam, 48 jam dan 72 jam selepas protokol DOMS. Perbandingan antara kumpulan urutan sukan,terapi ais dan rehat aktif dengan dengan pembolehubah yang dikaji dianalisa

secara deskriptif (min ± sisihan piawai) ujian sampel berpasangan dan menggunakan Microsoft Excel.Sehubungan dengan itu, hasil kajian yang dijalankan merupakan kondisi semasa bagi kesemua subjek dalam tempoh pemulihan berlangsung. Berdasarkan analisis data 1 hingga data 3, keberkesanan rawatan urutan sukan, terapi ais, dan rehat aktif dapat diukur melalui perubahan skor dari masa ke masa. Data 1 menunjukkan bahawa kumpulan urutan sukan mempunyai perbezaan signifikan antara 24 jam hingga 72 jam. 24 jam-48 jam ($p = 0.015$), 24 jam-72 jam ($p = 0.002$), dan 48 jam- 72 jam ($p = 0.014$), menunjukkan peningkatan keberkesanan dari 24 jam ke 72 jam. Data 2 menunjukkan kumpulan terapi ais juga memperlihatkan perbezaan signifikan antara 24 jam - 72 jam ($p < 0.001$) dan 48 jam-72 jam ($p = 0.006$), dengan perubahan yang ketara dan keberkesanan yang tinggi dalam mengurangkan kesakitan. Data 3 menunjukkan kumpulan rehat aktif mempunyai perbezaan signifikan antara 24 jam-48 jam ($p = 0.015$) dan 24 jam-72 jam ($p = 0.003$), yang menunjukkan keberkesanan rawatan rehat aktif dalam tempoh masa yang lebih panjang. Secara keseluruhannya, ketiga-tiga rawatan menunjukkan keberkesanan dalam mengurangkan kesakitan, namun terapi ais menunjukkan keberkesanan yang paling tinggi diikuti oleh urutan sukan dan rehat aktif.

Delayed onset muscle soreness (DOMS) is a condition where an individual experiences discomfort in the muscles within 24 hours to 72 hours after performing a high-intensity physical activity. The implementation of sports massage treatment, ice therapy and active rest for DOMS is said to be able to help in the recovery process of DOMS, however there is no study comparing these three methods in determining the effectiveness of recovery from DOMS and which recovery period is shorter. In relation to that, this study was conducted to identify the effectiveness of sports massage treatment methods, ice therapy and active rest on the recovery of DOMS. A total of 12 subjects involved in this study mean and standard deviation of age 20.42 ± 0.52 years, weight 75.08 ± 14.16 kilograms and height 171.25 ± 7.41 meters. They were divided into three groups randomly, namely sports massage group, ice therapy and active rest group . All the subjects involved are required to do the DOMS protocol, which is to do the Unilateral Eccentric Forearm Curl activity for 4 sets (12 repetitions for each set) with a load of 80% of 1RM. Measurements using the Visual Analog Scale for the three groups were taken at 24 hours, 48 hours and 72 hours after the DOMS protocol. Comparisons between groups of sports massage, ice therapy and active rest with the studied variables were analyzed descriptively (mean ± standard deviation) paired sample tests and using Microsoft Excel. Accordingly, the results of the study conducted are the current conditions for all subjects in the recovery period takes place Based on the analysis of data 1 to data 3, the effectiveness of sports massage treatment, ice therapy, and active rest can be measured through score changes over time. Data 1 shows that the sports massage group has a significant difference between 24 hours and 72 hours. 24 hours-48 hours ($p = 0.015$), 24 hours-72 hours ($p = 0.002$), and 48 hours- 72 hours ($p = 0.014$), showing an increase in effectiveness from 24 hours to 72 hours. Data 2 shows that the ice therapy group also showed a significant difference between 24 hours - 72 hours ($p < 0.001$) and 48 hours - 72 hours ($p = 0.006$), with

significant changes and high effectiveness in reducing pain. Data 3 shows the active rest group has a significant difference between 24 hours-48 hours (p = 0.015) and 24 hours-72 hours (p = 0.003), which shows the effectiveness of active rest treatment in a longer period of time. Overall, all three treatments showed effectiveness in reducing pain, but ice therapy showed the highest effectiveness followed by sports massage and active rest.

KEBERKESANAN GABUNGAN RAWATAN ALATAN TERAPI DAN URUTAN SUKAN TERHADAP KECEDERAAN BUKU LALI

Muhammad Khaliq Syafie Bin Sadan & Izwyn Zulkapri
khaliq.pie@gmail.com

Salah satu tujuan pemantauan untuk proses rawatan kecederaan buku lali pada fasa pemulihan secara berterusan adalah untuk melihat peningkatan proses pemulihan dan keberkesanan program rawatan yang dijalankan. Dalam sukan ragbi, sentuhan fizikal yang berintensiti tinggi akan meningkatkan risiko kecederaan kepada pemain. Dalam kajian ini, seramai 3 orang ragbi berposisi forward dan 3 orang berposisi backline yang cedera di bahagian buku lali menjalani proses rawatan yang berlandaskan komponen kesihatan. Dapatan kajian mendapati terdapat 3 pengujian yang menunjukkan perbezaan yang signifikan bagi kesemua subjek iaitu body mass index, pain scale dan julat pergerakan (dorsiflexion & plantarflexion) sebelum fasa pemulihan sehingga fasa selepas pemulihan. Walaupun peningkatan julat pergerakan dan penurunan skala sakit sepanjang enam sesi rawatan tidak selari, namun perbezaannya adalah signifikan. Hal ini menunjukkan bahawa sesi rawatan selama 3 minggu yang dilakukan adalah mencukupi bagi membantu proses pemulihan kepada pemain ragbi yang mengalami kecederaan buku lali serta dapat membuktikan keberkesanan gabungan rawatan menggunakan alatan terapi dan urutan sukan terhadap kecederaan buku lali.

